

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"Al-QURAN sendiri telah memberitahu, siapa dia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu. Baginda adalah lampu yang terang-benderang dan rahmat bagi seluruh alam. Apakah yang lebih bermakna dari lampu untuk menerangi keadaan gelap gelita dan rahmat untuk mengeluarkan manusia dari azab sengsara? Andainya tanpa Baginda, dunia ini memang akan terus gelap. Sementara rahmat pula akan tetap jauh daripada kita." - Titah Sempena Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 12 Rabiulawal 1438H / 12 Disember 2016M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلوبنا

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"KECUALI orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan, dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 70.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 23

23 FEBRUARI 2019 / 18 جمادى الآخرة 1440

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA



SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-35, TAHUN 2019 "MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA"

Tatang dan pertahankan kemerdekaan

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid, Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Februari. - Kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran adalah idaman semua orang, semua bangsa di dunia tetapi untuk mendapatnya tidaklah semudah yang dikata.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35, Tahun 2019 di Istana Nurul Iman, di sini.

"Di sinilah Alhamdulillah, negara kita dengan izin Allah telahpun mencapainya. Ia sudah wujud dan sedang dinikmati. Kita akan tatang ia dan pertahankan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah selain dengan kerja keras dalam mengisi kemerdekaan, antara cara kita menani dan mempertahankannya, kita juga dikehendaki supaya konsisten dalam memelihara keamanan dan kemakmuran itu melalui langkah-langkah yang bersesuaian.

Ke muka 4

"BETA mahu melihat, supaya usaha-usaha sedemikian ini terus dipertingkatkan, sehingga para belia benar-benar mampu untuk berganding bahu dengan kerajaan. Maka untuk itu, agensi-agensi kerajaan perlulah menggiatkan lagi peranan mereka selaku pemudahcara,"



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35, Tahun 2019 di Istana Nurul Iman.

Negara perlu tangani isu keselamatan siber

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid, Mohammad Rainie Haji Durani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Februari. - Dalam era digital sekarang ini, kita perlu peka dengan kemajuan teknologi yang pesat yang dibawa oleh

Revolusi Industri Keempat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menegaskan, sebagai sebuah negara yang mempunyai wawasan, kita tidak boleh ketinggalan dalam meneroka

ekonomi digital.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35, Tahun 2019 di Istana Nurul Iman, sambil menekankan perkembangan di bidang tersebut, keselamatan siber mesti diberikan perhatian khusus. Negara perlu menangani isu keselamatan siber, kerana kesan negatif siber boleh menyerap ke dalam negara,

masyarakat dan keluarga.

Baginda bertitah di arena antarabangsa, Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan sikap hormat - menghormati, mengekalkan hubungan rapat yang telus dengan negara-negara lain dan meningkatkan lagi integrasi ekonomi serantau serta penyertaan dalam rangkaian ekonomi global.

Ke muka 4



Muka 11

PENGAJIAN FLP lahirkan jurutera profesional



Muka 12

PDI semai semangat patriotik dengan kibarkan bendera negara

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Para pelatih PKBN dibekalkan nilai murni

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua dapatlah kita berhimpun bersama-sama dalam majlis yang penuh dengan makna pada hari ini, iaitu Majlis Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-8, Tahun 2018.

Dalam kesempatan ini, setinggi-tinggi tahniah dan syabas dirakamkan kepada semua pelatih kerana memilih untuk merentasi zon selesa atau *comfort zone* masing-masing bagi menempuh pengalaman baharu lagi mencabar. Saya amatlah berbangga kerana biskita telah berani menampilkan diri pada menyahut panggilan murni untuk menjadi insan cemerlang yang sangatlah diperlukan oleh negara. Biskitalah yang dimaksudkan sebagai modal insan belia yang optima, yang memiliki jati diri dan semangat patriotisme yang kental sepertimana dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-7 pada 15 Mac yang lalu.

Sepanjang berada dalam Kem Latihan ini, para pelatih akan mempunyai peluang keemasan untuk menimba ilmu yang berguna demi untuk terus memperbaiki diri dari segi fizikal mahupun rohani.

Di sini, para pelatih akan melalui pengalaman serta mempelajari nilai-nilai teras yang bertujuan untuk menjadikan biskita sebagai individu yang benar-benar berkaliber tinggi secara menyeluruh dalam aspek duniawi dan ukhrawi. Oleh itu, apa yang diharapkan adalah bagi setiap pelatih untuk memanfaatkan tiga bulan yang akan datang ini dengan sepenuhnya. Bukalah minda masing-masing untuk belajar sambil mengharungi pengalaman baharu ini secara terbaik. Dengan usaha keras dan titik peluh biskita, saya amat yakin setiap pelatih akan membanggakan kita semua, iaitu sebagai contoh belia Brunei yang berani menghadapi apa jua hambatan atau cabaran demi kebaikan masyarakat dan negara.

Walaupun kita mempunyai ekspektasi tinggi atas biskita, kita juga ingin para pelatih untuk menimba pengalaman dalam Kem Latihan ini dengan penuh mesra dan keceriaan. Oleh itu, saya turut mengingatkan para pelatih untuk mengambil peluang ini untuk membina persahabatan dan jalinan baik sesama biskita. Ingatlah, setiap pelatih dalam



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-8 pada Sabtu, 30 Rabiulawal 1440 Hijrah / 8 Disember 2018 Masihi di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong.

Kem Latihan ini adalah satu pasukan yang mempunyai tanggungjawab antara satu sama yang lain. Di samping pembelajaran, adalah hasrat kita bagi para pelatih untuk mengambil kenangan manis daripada Kem Latihan ini agar kesan daripada pengalaman tiga bulan yang akan datang akan berkekalan bagi setiap pelatih, InsyaaAllah.

Kepada ibu bapa, saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk

merakamkan sebanyak-banyak terima kasih atas dorongan dan sokongan kepada anak-anak biskita untuk menyertai PKBN pada kali ini. Kita amat berbesar hati diatas kepercayaan yang telah diberikan oleh biskita dalam mengasuh dan memberikan pendidikan kepada anak-anak biskita dalam tempoh tiga bulan yang akan datang ini. InsyaaAllah, PKBN akan memberikan impak positif yang menyeluruh kepada anak-anak biskita dengan pembekalan nilai-nilai murni yang kukuh dan berkekalan kepada mereka. Sememangnya, kejayaan Kem Latihan ini amat bergantung kepada sokongan berterusan biskita yang sangat tinggi nilainya. Terima kasih.

Kepada para jurulatih, adalah diingatkan agar sentiasa memegang teguh dan melaksanakan setiap amanah serta tanggungjawab yang diberikan kepada abiskita dengan bersungguh-sungguh dan rasa bangga. Jadilah contoh dan teladan yang baik kepada para pelatih agar hasrat kita untuk melahirkan modal insan benar-benar dapat direalisasikan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi setinggi-tinggi tahniah dirakamkan kepada setiap Pelatih PKBN Pengambilan Ke-8. InsyaaAllah, saya amat yakin tiga bulan yang akan datang ini akan mempunyai impak positif yang amat besar kepada biskita. Kami menaruh harapan besar biskita akan menjadi insan yang akan menyumbang kepada raja, negara, agama dan bangsa pada masa yang akan datang, iaitu sebagai contoh teladan kepada belia-belia yang lain. Didoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan nikmat kesejahteraan, perlindungan dan rahmat yang berlipat ganda kepada biskita dan para ibu bapa sepanjang masa. Semoga berjaya dan selamat menimba pengalaman yang baharu.

Sekian.
Wabillahir Taufiq Walhidayah,
Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala
Wabarakatuh.

"WALAUPUN kita mempunyai ekspektasi tinggi atas biskita, kita juga ingin para pelatih untuk menimba pengalaman dalam Kem Latihan ini dengan penuh mesra dan keceriaan. Oleh itu, saya turut mengingatkan para pelatih untuk mengambil peluang ini untuk membina persahabatan dan jalinan baik sesama biskita. Ingatlah, setiap pelatih dalam Kem Latihan ini adalah satu pasukan yang mempunyai tanggungjawab antara satu sama yang lain. Di samping pembelajaran, adalah hasrat kita bagi para pelatih untuk mengambil kenangan manis daripada Kem Latihan ini agar kesan daripada pengalaman tiga bulan yang akan datang akan berkekalan bagi setiap pelatih, InsyaaAllah."

Dari Sidang Pengarang.

23 FEBRUARI 2019 BERSAMAAN 1440 جُمَادَى الْآخِرِ 18

KEAMANAN ASAS KEDAULATAN NEGARA

SELAIN dengan kerja keras dalam mengosi kemerdekaan, antara cara kita menandai dan mempertahankannya, kita juga dikehendaki supaya konsisten dalam memelihara keamanan dan kemakmuran itu melalui langkah-langkah yang bersesuaian.

Demikian antara titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Mu'izzuddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun, yang menekankan betapa pentingnya mensyukuri nikmat Allah berupa keamanan dan kemakmuran, kerana kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran yang dinikmati ketika ini, titah baginda adalah idaman semua orang, semua bangsa di dunia, tidak terkecuali negara kita.

Hari ini Sabtu, 23 Februari 2019, genaplah usia 35 tahun Negara Brunei Darussalam menikmati kemerdekaan. Walau bagaimanapun kemerdekaan yang kita nikmati dan kaecapi bukanlah sesuatu yang mudah tetapi adalah hasil dari usaha dan perjuangan serta pengorbanan para pahlawan tanah air yang terdahulu.

Di sini nampak kepada kita betapa keamanan adalah sangat penting, kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat dilaksanakan. Dari itu, rukun keamanan, mustahak terus dipelihara dan dijamin, iaitu memegang kuat ajaran agama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu. Inilah antara rahsia keamanan. Namun perlu diingat anasir-anasir anti keamanan dan ketenteraman tidak pernah lupa untuk mengeruhkan keadaan. Mereka tidak pernah sealiran tujuan dengan kita. Kerana itu kita perlu berhati-hati terhadap mereka itu. Ini adalah tanggungjawab besar semua pihak, terutama rakyat dan penduduk negara ini.

Di dalam Al-Quran mengungkapkannya adanya kaitan antara aspek iman dengan rasa aman dalam kehidupan manusia, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud: "Orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang yang mendapat keamanan dan mereka lah orang yang mendapat hidayah petunjuk." (Surah al-An'am, ayat 82).

Justeru, menjadi tanggungjawab semua pihak mewujudkan keamanan serta keselamatan atas nama kepentingan agama, bangsa dan negara. Oleh itu, pentingnya pepaduan dan saling bekerjasama dalam usaha membina, mewujudkan keamanan serta keselamatan.

Apa yang pasti kekuatan sesebuah negara itu bukan sahaja dengan memiliki peralatan senjata yang canggih, tetapi juga keamanan berkait rapat dengan keimanan sebagai benteng kekuatan dalam hati untuk mencipta dan membina rasa aman serta tenteram daripada segala gangguan, sama ada di dunia atau akhirat.

Memang tidak dinafikan bahawa sesebuah negara yang dikatakan kukuh dan disegani antara lain mempunyai angkatan tentera yang kuat dan mantap serta canggih dari segi persenjataan. Sebab itu perkara utama dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika mengagalkan kerajaan Islam pertama di Madinah ialah membentuk jentera pertahanan.

Walaupun bagaimanapun tugas menjaga keamanan dan keselamatan negara bukan sahaja diserahkan kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, tetapi oleh semua rakyat dan penduduk dari pelbagai peringkat, tidak kira kaya atau miskin, tua atau muda, lelaki atau wanita semuanya bertanggungjawab memegang amanah untuk menjaga keamanan dan kemakmuran negara.

Apa yang penting memelihara kemakmuran dan keamanan negara adalah tanggungjawab bersama untuk memastikan kedaulatan negara terpelihara sampai bila-bila. Di samping usaha melestarikan kedaulatan tersebut perlu dilipatgandakan seiring dengan cabaran globalisasi untuk menutup semua ruang yang boleh menjejaskan nama dan imej negara.

Di bawah pimpinan Kebawah DYMM, baginda telah meneruskan kesinambungan pemerintahan yang adil dan saksama berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja. Dalam banyak perkara baginda juga mengutamakan kesejahteraan dan kepentingan rakyat dan penduduk negara ini, di mana merupakan asas penting dalam memastikan kedaulatan negara kekal terpelihara.

Perkara ini amat bersesuaian dengan negara kita yang berdaulat yang mengamalkan prinsip *wasatiyyah*, atau kesederhanaan, di mana hubungan rakyat dan pemimpin sentiasa erat dan sepakat dalam suasana yang sihat. Pada masa sama, kita perlu meneruskan usaha-usaha mengekalkan keamanan, keharmonian, perpaduan, memupuk nilai-nilai patriotisme, memajukan ekonomi dan mengekalkan persefahaman. - Ketua Penyuntingan (Zs).

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C
PEKAN BANGAR 32 24 °C	PEKAN BANGAR 32 24 °C	PEKAN BANGAR 32 24 °C
PEKAN TUTONG 33 24 °C	PEKAN TUTONG 32 24 °C	PEKAN TUTONG 32 24 °C
KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
23	SABTU	18	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	AHAD	19	5.06	5.16	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	ISNIN	20	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.52	6.34	7.43
26	SELASA	21	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	RABU	22	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
28	KHAMIS	23	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 MAC	JUMAAT	24	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Majlis Kesyukuran raikan Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-35 Tahun



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel menyertai rakyat jelata pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Februari. - Syukur Alhamdulillah, sudah 35 tahun Negara Brunei Darussalam menandai kemerdekaan, bebas dari sebarang penjajahan dan selaku anak watan negara mengecapi nikmat merdeka itu maka terbentuknya satu perpaduan, harmoni, aman damai dan sejahtera sehingga hari ini dan diharap akan sentiasa berkekalan.

Dalam nikmat yang kita kecap di negara tercinta ini, semua itu datangnya dari rahmat Allah

Subhanahu Wata'ala jua dan saban tahun seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan mengimarahkan berduyun-duyun datang ke masjid-masjid dan surau-sarau serta balai-balai ibadat di keempat-empat daerah bagi sama-sama menahirkan rasa syukur atas kurniaan Allah yang sangat besar maknanya ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan Ulul Amri dengan mengutamakan Islam dalam mencorak pemerintahan negara, berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel. Keberangkatan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35, Tahun 2019M; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang turut hadir pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda bersama para jemaah menadah tangan ketika Doa Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Dari muka 3

Sejurus keberangkatan tiba Kebawah DYMM, azan Maghrib dilautkan kira-kira 6.34 petang oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin. Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah diimamkan oleh Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga kemudiannya mengepalai Sembahyang Sunat Hajat dan seterusnya memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai. Bagi memberkati majlis, Doa

Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Selepas azan Fardu Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid bagi masjid

tersebut, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh, Sembahyang Fardu Isyak berjemaah diimamkan oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Sebelum berangkat

meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain berkesempatan menerima junjung ziarah bersama para jemaah yang hadir.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi Negara Brunei Darussalam serta mengurniakan keberkatan melimpah ruah dan keselamatan ke atas bumi Darussalam dan seluruh isi di dalamnya daripada anasir-anasir jahat yang boleh menggugat keamanan negara.

Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, 'Menjayakan Wawasan Negara' masih dikekalkan bagi sambutan tahun ini dan semoga kemuncak acara sambutan pada 23 Februari akan berjalan dengan sempurna dan jayanya.



PARA petugas Masjid Omar 'Ali Saifuddien mengagihkan naskah Surah Yaa Siin (kiri) kepada para jemaah yang hadir. Sementara gambar kiri sekali, para jemaah menadah tangan ketika doa dibacakan pada Majlis Doa Kesyukuran tersebut.

Tatang dan pertahankan kemerdekaan

Dari muka 1

Di samping itu, titah baginda, kita hendaklah berusaha sedaya upaya dan selebihnya kita berserah sepenuhnya kepada kuasa Allah kerana hanya dengan ini insyaaAllah, semua usaha akan berjaya dan diberkati.

Baginda juga bertitah agar kita semua merafa'kan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita meraikan lagi Hari Kebangsaan kita pada tahun ini.

Dalam titah, baginda turut menyentuh mengenai tema sambutan pada tahun lepas yang masih saja kekalkan berbunyi: "Menjayakan Wawasan Negara". Tema tersebut hendaknya, akan mengingatkan kita kepada kewajiban dan peranan masing-masing untuk merealisasikan Wawasan Negara.

Pada tahun-tahun yang lalu, titah baginda negara telah menyandarkan harapan tinggi kepada generasi muda untuk menerajui pembangunan negara secara proaktif.

"Alhamdulillah, sedikit demi sedikit harapan itu terkabul, dengan para belia menunjukkan

pencapaian-pencapaian yang menggalakkan di bidang-bidang keusahawanan, ekonomi dan kemasyarakatan," titah Kebawah DYMM.

Serentak itu, titah baginda, agensi-agensinya kerajaan juga tidak ketinggalan dalam menyediakan prasarana serta membantu para belia, khususnya dalam memberikan bimbingan kepada mereka yang berkecimpung di bidang keusahawanan.

"Beta mahu melihat, supaya usaha-usaha sedemikian ini terus dipertingkatkan, sehingga para belia benar-benar mampu untuk berganding bahu dengan kerajaan. Maka untuk itu, agensi-agensinya kerajaan perlulah menggiatkan lagi peranan mereka selaku pemudahcara," titah baginda.

Titah baginda lagi, pemudahcara di sini dimaksudkan ialah prasarana yang mantap, peraturan yang telus dan mudah, serta sokongan dan kerjasama padu semua agensi yang berkepentingan, dalam menghulurkan bantuan dan bimbingan itu.

Dalam memberi tumpuan kepada golongan muda titah baginda, kebajikan dan

pemedulian terhadap warga emas juga jangan diabaikan. Kerana mereka itu lebih-lebih lagi memerlukan sokongan dan pemedulian.

Di samping itu, baginda turut bertitah menekankan bahawa sektor kerajaan perlu melaksanakan dan mempelbagaikan lagi usaha-usaha menjana ekonomi melalui pengurusan-pengurusan yang cekap dan berhemah yang juga selaras dengan tema Hari Kebangsaan 2019.

"Kerajaan juga perlu memfokus segala aktiviti pembangunan, termasuk aktiviti pelaburan yang sedang dan akan dilaksanakan," titah baginda.

Kebawah DYMM juga bertitah bahawa kewajipan kerajaan ialah memudahcara persekitaran perniagaan dan menjana sumber manusia yang Kompeten serta *Employable*, termasuk memperkukuhkan lagi jaringan keselamatan sosial, sebagai contoh, kerajaan kini, melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedang giat melaksanakan aktiviti menanam padi, yang dihasratkan untuk memenuhi sara diri negara.

Negara perlu tangani isu keselamatan siber

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid, Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Dari muka 1

Negara Brunei Darussalam titah baginda juga akan terus memberikan kerjasama dalam menangani isu-isu yang menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa seperti ancaman anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab dan akan sentiasa bersama-sama meningkatkan usaha ke arah keselamatan dan kestabilan serantau dan antarabangsa selaras dengan kapasiti yang ada. Ini termasuk menghulurkan bantuan kepada pihak-pihak yang memerlukan, seperti dalam bentuk operasi kemanusiaan atau bantuan mitigasi bencana serta misi pemantau dan pengaman.

Sebelum mengakhiri titah, baginda dengan tulus ikhlas juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta Ahli-ahli Jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35 pada tahun ini.

Ucapan yang sama juga baginda sampaikan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan meliputi semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, termasuk mereka yang bertugas di luar negara, Pasukan-pasukan Keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta.

Akhirnya baginda berdoa semoga rakyat dan penduduk serta Negara Brunei Darussalam sentiasa di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Berangkat meriahkan perayaan Tahun Baharu Tionghua 2019



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2019 (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Tahun Baharu Cina merupakan perayaan terpenting orang Cina bagi menyambut tahun baharu dalam kalendar qamari Cina yang terbahagi kepada kitaran 12 tahun dan dinamakan sempena nama haiwan. Sehubungan itu, sebagai

pemimpin yang berjiwa rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2019 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. **Ke muka 6**



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan bergambar ramai bersama para peserta persembahan (kiri), sementara gambar kanan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah ketika berkenan bergambar ramai.



ACARA angkat sumpah Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Masyarakat Tionghua dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Majlis (kiri), sementara gambar kanan antara persembahan daripada masyarakat Tionghua yang menyeronokkan Majlis Ramah Mesra tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2019. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Dari muka 5

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan

Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja dijunjung

oleh Penasihat Kehormat Majlis, Yang Dimulihkan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh selaku Pengerusi Kehormat dan Pengerusi Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2019 dan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Ramah Mesra, Dato Ting Jack Chai, Masyarakat Tionghua dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Majlis yang lain.

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai sebelum berangkat ke Dewan Plenari bagi majlis ramah mesra yang dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan.

Pada majlis tersebut, baginda berkenan menerima pesambah dan majlis ramah mesra diteruskan dengan pelbagai persembahan tarian dan nyanyian daripada pelajar-pelajar sekolah.

Kebawah DYMM dan Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja kemudian berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Ramah Mesra, Dato Ting Jack Chai ketika ditemui berkata, Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua ini merupakan acara tahunan yang sangat penting bagi masyarakat Tionghua di negara ini.

Menurutnya, sejak majlis ini mula diadakan sehingga kini seluruh masyarakat Tionghua amat terharu di atas keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama kerabat diraja setiap tahun.

"Sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak dalam menjayakan majlis ini membuktikan bahawa Majlis Ramah Mesra ini berjaya dan seluruh masyarakat Tionghua berasa bersyukur kerana dapat hidup dengan aman dan makmur di negara ini," jelasnya.



KEBAWAH DYMM berkenan mengabdikan gambar kenangan bersama para pelajar dari masyarakat Tionghua di majlis sambutan tersebut (kiri). Sementara gambar kanan berangkat sama di majlis tersebut ialah paduka adinda dan anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah.



BERANGKAT sama, paduka-paduka adinda dan anakanda Kebawah DYMM, iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna serta kerabat diraja yang lain (kiri). Sementara gambar kanan antara persembahan dari masyarakat Tionghua menyeronokkan majlis sambutan tersebut.

Berkenan menjawat perutusan tahniah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-35

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada Ketua-ketua Negara dan Ketua-ketua Kerajaan sempena menyambut Ulang Tahun Ke-35 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2019 iaitu di antaranya daripada :

KETUA-KETUA NEGARA

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdul Aziz Al Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi



15. Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping



29. Presiden Republik Kazakhstan, Tuan Yang Terutama Nursultan Nazarbayev



2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland



16. Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Moon Jae-in



30. Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah el-Sisi



3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan



17. Presiden Mongolia, Tuan Yang Terutama Battulga Khalmaa



31. Presiden Burkina Faso, Tuan Yang Terutama Roch Marc Christian Kaboré



4. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said, Sultan Kesultanan Oman



18. Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammad Abdul Hamid



KETUA-KETUA KERAJAAN

5. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Bodindradebayavarangkun, Raja Thailand



19. Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Ram Nath Kovind



32. Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong



6. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja



20. Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Dr. Arif Alvi



33. Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (Bersara) Prayut Chan-o-cha



7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Harald V, Raja Norway



21. Presiden Republik Maldives, Tuan Yang Terutama Ibrahim Mohamed Solih



34. Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen



8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Philippe, Raja Belgium



22. Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier



35. State Counsellor dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Kesatuan Myanmar, Puan Yang Terutama Daw Aung San Suu Kyi;



9. Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo



23. Presiden Republik Itali, Tuan Yang Terutama Sergio Mattarella



36. Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina



10. Presiden Republik Singapura, Puan Yang Terutama Halimah Yacob



24. Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan



37. Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Imran Khan



11. Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte



25. Presiden Republik Portugis, Tuan Yang Terutama Marcelo Rebelo de Sousa



38. Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe



12. Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Win Myint



26. Presiden Republik Czech, Tuan Yang Terutama Miloš Zeman;



39. Perdana Menteri Republik Serbia, Puan Yang Terutama Ana Brnabic



13. Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump



27. Presiden Ireland, Tuan Yang Terutama Michael D. Higgins



LAIN-LAIN ORANG KENAMAAN LUAR NEGERI

14. Gabenor-Jeneral Australia, Tuan Yang Terutama Jeneral The Honourable Sir Peter Cosgrove AK MC (Bersara)



28. Presiden Konfederasi Swiss, Tuan Yang Terutama Ueli Maurer



40. Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Tuan Yang Terutama Dr. Yousef A. Al-Othaimen.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat mengambil bahagian dalam acara perbarisan lalu pada Raptai Acara Kemuncak Perhimpunan Agung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Februari. - Negara akan menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 (HK35) pada Sabtu, 18 Jamadilakhir 1440 bersamaan 23 Februari 2019 nanti dengan Acara Kemuncak Perhimpunan Agung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Dalam memastikan persembahan sempena sambutan itu berjalan lancar dan teratur, raptai penuh diteruskan lagi dengan menggabungkan semua peserta yang menyertai upacara sambutan itu nanti.

Antara peserta yang mengambil bahagian dalam acara perbarisan lalu semasa sambutan tersebut ialah anakanda Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Duli Yang Teramat Mulia adalah antara pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong yang menyertai Kluster Pendidikan Swasta.

Berangkat menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah

Raptai penuh pastikan persembahan sambutan berjalan lancar

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Kluster Sosio-Ekonomi; Kluster Pendidikan Pasca Menengah; Kluster Pendidikan Menengah; Kluster Pendidikan Swasta; Kluster Pendidikan Masjid; Kluster Persatuan Profesional; Kluster Pergerakan Belia; Kluster Pergerakan Wanita; Kluster Persatuan Sukan; Kluster Persatuan Umum; Kluster Masyarakat Umum; dan Kluster Pasukan Generasi Berwawasan.

Manakala bagi acara persembahan padang pula, lebih kurang 7,500 orang penuntut dan warga Perkhidmatan Awam akan

terlibat dalam membuat persembahan padang, iaitu persembahan Sinergi Generasi Berwawasan dan persembahan tema, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini, komitmen yang tinggi dan saling bantu-membantu untuk mendukung aspirasi negara adalah sangat diperlukan agar matlamat negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 terlaksana dengan jayanya selaras dengan tema HK35, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.



PASUKAN Pembawa Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 (HK35) pada Sabtu, 18 Jamadilakhir 1440 bersamaan 23 Februari 2019 nanti ketika Raptai Penuh diadakan.

JIS semarak Sambutan Hari Kebangsaan Ke-35

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS)

JERUDONG, Khamis, 21 Februari. - Dalam meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) mengadakan Majlis Menaikkan Bendera yang diadakan di kawasan tiang bendera sekolah berhadapan dengan perpustakaan sekolah tersebut kelmarin.

Berangkat menghadiri acara tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis bermula pada jam 7.30 Pagi tersebut dimulai dengan ucapan ringkas daripada Ketua Pelajar Perempuan, Rania Teguh dan Ketua Pelajar Lelaki, Jacob Hill. Pelajar Brunei, Zakwan Salleh kemudian dijemput mengepaloi bacaan doa bagi memulakan majlis.

Manakala Nazurah Hapiz dan Iffah Idres dijemput untuk

menerangkan sejarah di sebalik Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Brunei serta tema Hari Kebangsaan Ke-35 tahun ini.

Majlis kemudian diselenggarakan dengan acara menaikkan bendera sambil lagu kebangsaan dimainkan oleh Orkestra JIS.

Upacara khas tersebut dihadiri oleh pelajar-pelajar Brunei dan antarabangsa serta tenaga pengajar dan pentadbiran JIS.

Sementara itu, Pengetua, Barnaby Sadow berkata, "Ia merupakan penghormatan yang luar biasa untuk dapat turut serta dalam hari istimewa ini. Kami amat berbangga kerana upacara menaikkan bendera tahunan diketuai oleh pelajar-pelajar senior kami."

Di samping itu, para pelajar Tahun 9 bersama pengetua dan beberapa guru kanan JIS akan mengambil bahagian dalam Perarakan Perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada Sabtu ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat menghadiri Majlis Menaikkan Bendera di Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35.

MOAS tumpuan Doa Kesyukuran Hari Kebangsaan Ke-35



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar ketika berangkat meninjau persiapan bagi Majlis Doa Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440H / 2019M di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun akan bermula dengan Majlis Doa Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan

Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440H/2019M pada petang Jumaat, 22 Februari 2019M dengan tumpuan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin (MOAS), di ibu negara. Sehubungan itu, bagi memastikan acara berkenaan

berjalan lancar dan sempurna, satu tinjauan bagi acara tersebut telah diadakan di MOAS, di sini yang turut dihadiri oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Pengiran Haji Abu Bakar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir, Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin serta Ahli-Ahli Jawatankuasa yang lain.

Terdahulu, Pelita Brunei sempat menemui Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri yang antara lain menerangkan selain tumpuan utama di MOAS, acara keagamaan itu juga diadakan di beberapa buah masjid seluruh negara sebagai tumpuan, iaitu di Daerah Brunei dan Muara, di Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bokiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam,

Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkihah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Bagi Daerah Belait ia tertumpu di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Di Daerah Tutong pula diadakan di Masjid Hassanal Bolkihah, Pekan Tutong sementara tumpuan bagi Daerah Temburong ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Beliau menambah, bagi sama-sama memanjatkan kesyukuran atas limpahan berkat, keselamatan, keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam, orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama hadir ke semua masjid, surau dan balai ibadah di seluruh negara pada petang Jumaat malam Sabtu, 17 Jamadilakhir 1440H bersamaan dengan 22 Februari 2019M mulai 5.45 petang dengan tumpuan utama di MOAS.



SETIAUSAHA Tetap (Perindustrian), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan semasa menyampaikan ucapan.

BERAKAS, Rabu, 20 Februari. - Terdapat dua program asas yang diperkenalkan oleh pihak LiveWIRE, iaitu 'Bright Ideas' dan 'Become a Successful Owner Manager' yang berjaya menjadi wadah utama dalam mengubah minda belia kita untuk menjadi lebih giat dalam membangunkan perniagaan mereka.

Ini jelas dilihat bila mana sebahagian besar belia kita telah banyak menceburi bidang keusahawanan dan bukan lagi menjadikannya sebagai aktiviti sampingan, malahan menjadi bidang keusahawanan dalam menjana sumber pendapatan.

Tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Perindustrian), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji

Ambil peluang, bangun kapasiti, keupayaan, kembangkan perniagaan

Ali Hassan menyatakan mengenai perkara tersebut ketika berucap pada Majlis Pelancaran Anugerah Perniagaan LiveWIRE Ke-12 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini, seterusnya menyempurnakan majlis pelancaran anugerah berkenaan.

LiveWIRE pada masa ini jelasnya, menawarkan sehingga 12 program, yang mana antara yang popular adalah Bright Ideas - 'A Basic Business Workshop,' mendedahkan kepada para usahawan mengenai prinsip-prinsip perniagaan.

Tambahnya, pihak Darussalam Enterprise (DARE), juga turut menawarkan program-program serupa seperti Industry Business Academy, Accelerate Boot Camp Programme, Micro Bootcamp programme dan sebagainya bagi membantu pengusaha industri mikro, kecil dan sederhana (MSME) mengembangkan perniagaan mereka.

"Oleh yang demikian, saya menyeru agar para belia akan dapat mengambil peluang keemasan ini untuk membangun kapasiti dan keupayaan masing-masing dalam memaju serta mengembangkan lagi apa jua bidang perniagaan yang diceburi," saran beliau lagi.

Menurut beliau lagi, sejak akhir-akhir ini, bidang keusahawanan 'Agropreneur' mula mendapat tempat dalam kalangan para usahawan tempatan, dan menyedari akan hal tersebut, antara platform yang boleh diterokai adalah AgroBIZ, iaitu

salah satu skim LiveWIRE bagi melahirkan usahawan pertanian yang berkemahiran dan terlatih, bukan sahaja dalam bidang bercucuk tanam, malah dalam mengurus perniagaan.

Program itu merupakan usaha sma di antara LiveWIRE dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dalam melahirkan Usahawan-Agro yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran praktikal yang diperlukan untuk menjadi petani komersil berjaya.

Bertitik tolak daripada hasrat yang dizahirkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2018 terangnya lagi, kita menaruh keyakinan akan lebih banyak lagi usahawan MSME, termasuk daripada kalangan belia untuk berkecimpung dalam industri pertanian, bukan sahaja akan dapat menyumbang kepada strategi kebangsaan bagi sekuriti makanan dan menjadikan pertanian serta keusahawanan lebih kompetitif.

Malah ia juga secara tidak langsung akan mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 yang ketiga, iaitu Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

Program Anugerah Perniagaan LiveWIRE Brunei merupakan sebahagian daripada program antarabangsa LiveWIRE yang berprestij dan penting di seluruh dunia yang dibiayai sepenuhnya oleh BSP sebagai pelaburan sosial perdananya.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

Ia dilancarkan untuk memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada usahawan yang cemerlang dalam perancangan perniagaan dan operasi perniagaan mereka yang sedia ada, selain bermatlamat untuk menyokong usaha berterusan negara dalam mempelbagaikan penyertaan aktif ekonomi bagi pembangunan pesat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Sejak tahun 2001, program berkenaan berkembang, termasuk pilihan industri yang menumpukan kepada kepentingan negara, dan kali ini program turut menyasarkan keutamaan khas dalam bahagian Automasi dan Robotik; Keselamatan Makanan Akuakultur & Pertanian; Ladang Padi (AgroBIZ) dan Agropreneur; Penyelesaian dan Inovasi Tenaga; dan Ekopelancongan.

BASFs dilancarkan secara rasmi bersama Anugerah Perniagaan LiveWIRE 2017 - 2018 pada April 2018, khusus bagi peserta Anugerah Perniagaan LiveWIRE Brunei dalam kategori berikut : Kategori 'A' (Pelan Perniagaan) - Peserta Program LiveWIRE; dan Kategori 'B' (Enterprise) - Permulaan Perniagaan LiveWIRE (enam bulan hingga tiga tahun dalam perniagaan).

BASF juga akan diperluaskan untuk memasukkan calon-calon daripada Siri Rancangan Perniagaan LiveWIRE; dan

yang dipilih daripada program kerjasama lain seperti AgroBIZ dan Penyelesaian Tenaga.

Para penerima BASF yang berjaya, akan menerima pinjaman tanpa faedah dengan sistem pembayaran yang fleksibel, *mentoring* untuk tempoh 36 bulan, dan pembiayaan adalah sesuai dengan peratusan permulaan perniagaan termasuk untuk mendapatkan modal permulaan mulai daripada BND5,000 hingga BND50,000.

Tarikh akhir penyerahan bagi Anugerah Perniagaan LiveWIRE Brunei 2019 adalah pada 20 Mei, diikuti dengan proses penghakiman pada bulan berikutnya; dan Upacara Penyampaian Hadiah yang akan diadakan pada bulan Julai nanti.

Sebarang maklumat lanjut boleh didapati di www.livewirebruneibusinessawards2019.com.

Antara yang hadir pada majlis tersebut, Pemangku Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian (Tenaga & Tenaga Manusia) dan Perindustrian; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian (Tenaga & Tenaga Manusia) dan Perindustrian; In Country Value Manager, Syarikat BSP juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah LiveWIRE; Pengarah Program LiveWIRE; pegawai-pegawai kanan kerajaan; ketua-ketua pegawai eksekutif institusi kewangan; dan sektor swasta.



MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sama-sama mengukuhkan iman dan takwa kepada-Nya dan mematuhi segala suruhan-Nya serta meninggalkan larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memantapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, pada tahun ini kita dapat lagi meraikan sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-35 dalam suasana negara yang aman, damai dan sejahtera. Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita mestilah bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan nikmat kemerdekaan, nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran di bumi Darussalam yang tercinta ini. Semua ini adalah berkat kita berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, iaitu mengerjakan apa yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya, di samping hidup bersatu padu tanpa mengira darjat, bangsa agama.

Sesungguhnya kemerdekaan yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala ini bukan sahaja merupakan satu nikmat malah ia juga adalah suatu bentuk ujian. Ingatlah, jika kita lalai dan leka atau tidak mensyukuri nikmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala ini, maka tidak mustahil nikmat ini boleh sahaja hilang pada bila-bila masa kerana semua nikmat yang kita miliki hanyalah pinjaman semata-mata. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kita untuk sentiasa mensyukuri dan mengharapkan agar nikmat Allah Subhanahu Wata'ala ini

Mempertahankan nikmat kemerdekaan

sentiasa berkekalan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

Tafsirnya :

"Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi Sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan kemerdekaan itu? Kemerdekaan ialah apabila sesebuah negara itu bebas daripada penguasa orang lain, manakala menurut Islam pula kemerdekaan adalah apabila seseorang, sesuatu bangsa atau umat mendapat kebebasan daripada sebarang bentuk penjajahan dari segi jasmani mahupun rohani. Ketahuilah, adalah bukan mudah untuk mencapai sesuatu kemerdekaan itu, kerana ada negara yang sudah mencapainya tetapi tidak berdaya mempertahankannya. Ada pula negara yang sudah mencapai kemerdekaan tetapi tidak dapat menikmati erti kemerdekaan yang sebenar itu dengan sepenuhnya yang boleh membangun bangsa dan tanah airnya. Sesungguhnya nikmat kemerdekaan ini sangat bernilai, ia tidak akan dapat diukur dengan wang ringgit atau harta benda.

Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk di bumi Darussalam, kita mestilah mempertahankan nikmat kemerdekaan ini agar ia sentiasa terjaga dan terpelihara. Ingatlah, di atas bahu kita terletak tanggungjawab dan amanah yang sangat besar untuk ditunaikan dalam mencorak rupa bentuk bangsa dan negara serta membangunkan bangsa Brunei supaya menjadi bangsa yang kuat, maju dan digalati.

Alhamdulillah, kemerdekaan yang telah kita capai sejak 35 tahun ini, wajib kita pertahankan dan perjuangkan sebagaimana yang termaktub dalam Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, iaitu "Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik berdasarkan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta kerediaan Allah Subhanahu Wata'ala".

Sesungguhnya nikmat kemerdekaan, keamanan, ketenteraman, kesejahteraan dan kemakmuran yang kita nikmati di Negara Brunei Darussalam ini tidak datang dengan sendirinya bahkan ia adalah rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana kita telah menegakkan agama Allah Subhanahu Wata'ala di bumi Darussalam ini dengan

meletakkan agama Islam di tempat yang teratas, manakala segala amalan yang bertentangan dengan akidah dan perbuatan yang berlawanan dengan syariat Islam kitani banteras dan hindarkan.

Alhamdulillah, sebagai sebuah negara Islam di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah pun mengamalkan cara hidup berlandaskan ajaran agama Islam ini dalam semua bidang termasuk dalam pentadbiran, pengurusan, pekerjaan dan di dalam kehidupan seharian sehingga ajaran Islam itu subur dalam jiwa kita dan mampu mengubah cara hidup rakyat dan penduduk negara ini. Semua ini semata-mata untuk meraih kerediaan Allah Subhanahu Wata'ala yang membawa kepada keberkatan, kesejahteraan, keteguhan beragama, berbangsa dan bernegara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 96 :

Tafsirnya :

"Dan kalaulah penduduk sesebuah negara ini beriman dan bertakwa tentulah kamu akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahkan."

Kemajuan sesebuah negara itu bukanlah sekadar diukur dengan kekuatan ekonominya, akan tetapi kemajuan sesebuah negara itu juga adalah disebabkan oleh pemimpin yang adil, penduduk yang beriman dan bertakwa serta berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ketahuilah, kemajuan sesebuah negara itu tidak akan bererti jika rakyat dan penduduk hidup tanpa pedoman dan tidak berpegang teguh kepada ajaran agama Islam. Apabila hidup manusia tidak berpegang teguh kepada ajaran agama Islam sudah tentu banyak kemungkaran dan kemaksiatan akan berlaku dan berleluasa seperti curi, ragut, judi, minum arak hatta kepada perbuatan membunuh dan sebagainya. Perkara ini jika tidak dibendung sedari awal, ia boleh sahaja akan menghancurkan keharmonian dan kesejahteraan hidup sesebuah masyarakat, bangsa dan negara.

Sebagaimana yang kita maklum, tema sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini adalah 'Menjayakan Wawasan Negara.' Sesungguhnya Wawasan Negara 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam, insyaaAllah, akan

menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Ke arah mencapai wawasan ini, kita perlu bersatu padu untuk taat setia kepada raja dan negara, yakin pada nilai-nilai agama Islam, mengamalkan nilai-nilai mulia dan sifat berbaik-baik sesama bangsa, agama dan negara.

Oleh itu, dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai dengan jayanya, setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam perlu mengambil peranan dan menjadikan diri mereka sebagai aset berguna dalam pembangunan negara. Di samping itu, kita hendaklah berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, menyediakan diri dalam pembangunan negara, serta meningkatkan daya saing, berinovatif, kreatif, membangun ekonomi, politik, sosio-budaya, keselamatan dan sebagainya.

Keamanan hidup dan keamanan bernegara itu akan lebih berkesan apabila rakyat dan penduduk di sesebuah negara itu sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, demi mempertahankan nikmat kemerdekaan tanah air yang berdaulat ini dan bagi menzahirkan rasa syukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia nikmat kemerdekaan ini, maka bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-35 tahun ini, marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, iaitu pada petang Jumaat ini, 17 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 2019 masihi bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran dengan tujuannya utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Mudah-mudahan dengan doa yang kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala negara kita tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan menjadi Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur, iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan Yang Maha Pengampun. Aamiin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 41 - 43 :

Tafsirnya :

"Wahai Orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman."

Terima kunjungan muhibah Presiden ALA

Siaran Akhbar dan Foto :
Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Februari. - Peguam Cara Negara, Dayang Zuraini binti Haji Sharbawi menerima kunjungan muhibah Presiden Persatuan Undang-Undang ASEAN (ASEAN Law Association - ALA), Ketua Hakim Sundaresh Menon, di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, Peguam Cara dan Ketua Hakim bertukar-tukar pandangan dalam pelbagai isu kepentingan bersama.

Ketua Hakim Sundaresh Menon turut membincangkan mengenai dasar Jawatankuasa Undang-undang Kebangsaan Brunei ALA mengenai rancangan dan cadangan beliau selama tempoh tiga tahun

beliau bertugas sebagai Presiden ALA. Beberapa rancangan termasuk meningkatkan hubungan antara ALA dan badan-badan ASEAN yang lain, terutamanya Sekretariat ASEAN, sebagai sumber undang-undang yang kukuh.

Ketua Hakim juga berkongsi rancangan beliau bagi meningkatkan kesedaran dalam kerja dan program ALA dalam kalangan profesional undang-undang ASEAN dan beliau termasuk pelajar undang-undang dan graduan, termasuk penubuhan portal dalam talian untuk menyebarkan maklumat yang boleh dipercayai mengenai latihan undang-undang dan latihan yang ditawarkan oleh firma dan dewan undang-undang antarabangsa.

Ketua Hakim Menon juga memaklumkan mengenai acara ALA yang akan datang termasuk

pelancaran Institut Undang-undang ASEAN di Manila, Republik Filipina pada April tahun ini.

Peguam Cara Negara dalam pada itu menyambut baik cadangan Ketua Hakim Menon, dan menyatakan minat untuk menggunakan ALA sebagai platform bagi mengendalikan latihan undang-undang berkualiti untuk profesional undang-undang tempatan.

Beliau juga memberikan penerangan ringkas mengenai perkembangan semasa mengenai profesion undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Lawatan Muhibah ini juga berperanan sebagai pembaharuan kerjasama yang erat melalui Platform ALA.

Turut hadir semasa kunjungan muhibah ini ialah pegawai-pegawai kanan Jabatan Peguam Negara.



PEGUAM Cara Negara, Dayang Zuraini binti Haji Sharbawi menerima kunjungan muhibah Presiden Persatuan Undang-Undang ASEAN (ASEAN Law Association - ALA), Ketua Hakim Sundaresh Menon.

Pengajian FLP lahirkan jurutera profesional



Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

dalam peperiksaan berkanun tersebut bagi melayakkan diri menjadi seorang jurutera profesional yang diiktiraf seluruh dunia.

FLP telah diberikan pengiktirafan oleh Institution of Civil Engineer (ICE), United Kingdom (UK) sebagai Postgraduate Diploma in Professional Engineering (Civil Engineering) dan juga telah mendapat pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam (BDNAC) sebanding dengan kelulusan Tahap 7 Ijazah Sarjana dalam Kerangka Kelayakan Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Qualifications Framework Level 7 Master's Degree).

Negara Brunei Darussalam merupakan negara pertama yang dibenarkan dan diiktiraf oleh ICE, UK untuk mengadakan program ini di luar UK yang mana Kementerian Pembangunan telah diberikan status sebagai 'approved training organization' bagi menjalankan kursus Work-Based FLP for Civil Engineering.

Pada majlis tersebut Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan FLP.

Anugerah Graduan Cemerlang telah diberikan kepada Pegawai dari Kementerian Pertahanan, Tieng Chwei manakala Anugerah Peserta Cemerlang pula diberikan kepada Awang Muhammad Adib Asqalani bin Haji Rusli dari Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya.

MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar menyampaikan sijil kepada para graduan Kejuruteraan Awam yang menamatkan Pengajian Further Learning Programme (FLP) Pengambilan Kedua (kanan dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Sumber tenaga manusia memainkan peranan penting bagi merealisasikan visi dan misi sesebuah organisasi.

Oleh itu, Kementerian Pembangunan sentiasa berusaha untuk melaksanakan apa jua inisiatif bagi meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangannya yang perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan relevan bagi meningkatkan kemahiran terutama sekali dalam bidang teknikal, pembinaan infrastruktur dan pengurusan projek sebagai persediaan mereka diterima menjadi jurutera profesional berkelayakan dan profesional.

Berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Tamat Pengajian Further Learning

Programme (FLP) Pengambilan Kedua bagi Para Graduan Kejuruteraan Awam Kementerian Pembangunan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar seterusnya menambah dengan adanya program ini, ia akan dapat meningkatkan profesionalisme dan kredibiliti para graduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan penyediaan infrastruktur keperluan asas seperti bekalan air, jalan raya, saliran dan pembentungan dapat diteruskan.

Yang Berhormat juga berharap hasil daripada program ini, para graduan bersedia untuk menyahut apa-apa jua cabaran yang akan dihadapi dan cekap dalam memberikan cadangan-cadangan

yang inovatif serta bernas dan akan dapat membuat keputusan yang tepat dan bijak.

Menyentuh dari segi kerjaya, Yang Berhormat melahirkan kepercayaan bahawa program ini juga dapat melengkapkan persediaan para graduan untuk menjadi jurutera profesional bagi membolehkan mereka menjawat jawatan yang lebih tinggi yang mana ia adalah selaras dengan perancangan gantian (*succession planning*) Kementerian Pembangunan bagi mewujudkan kesinambungan pegawai yang berpotensi untuk menjadi pengganti / pelapis pengurusan tengah atau tertinggi yang memerlukan pegawai berkaliber, berpengalaman, berkemahiran serta berkelayakan memenuhi jawatan-jawatan yang berkaitan dengan bidang kerjaya

masing-masing.

Seramai 19 graduan telah menamatkan pengajian FLP Pengambilan Kedua bagi Para Graduan Kejuruteraan Awam Kementerian Pembangunan yang terdiri dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan.

Kementerian Pembangunan dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah menjalin kerjasama dalam mengendalikan program FLP. Program FLP pengambilan kedua ini telah berjalan selama 30 bulan bermula Mei 2015 di mana ia adalah mekanisme bagi jurutera-jurutera yang belum mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Awam untuk menduduki Chartered Professional Review (CPR). Seorang jurutera dikehendaki lulus

Pelatih PKBN Solat Subuh Berjemaah bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menunaikan Solat Subuh Berjemaah bersama para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-8.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-8 menunaikan Solat Subuh Berjemaah bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful

Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Bolkihah, Kampung Serusop dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sejurus selepas menunaikan Solat Subuh Berjemaah, Yang Berhormat serta rombongan beredar ke Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkihah, Berakas bagi menyaksikan Upacara Menaikkan Bendera dan Menyanyikan Lagu Kebangsaan; Pembacaan Ikrar; Sorak PKBN; Nyanyian Lagu 'Sedia Berbakti'; dan bacaan doa.

Yang Berhormat seterusnya meluangkan masa menyaksikan Sesi Latihan Jasmani oleh para pelatih PKBN Pengambilan Ke-8

dan mengakhiri lawatan berkenaan dengan sarapan pagi bersama para pelatih berkenaan.

Solat Subuh Berjemaah bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah salah satu tradisi bagi setiap pengambilan PKBN dan julung-julung kalinya diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Tujuan acara tersebut ialah untuk mendedahkan para pelatih PKBN agar sentiasa cenderung kepada aspek-aspek keagamaan secara

holistik dan sosial dengan menunaikan Solat Subuh Berjemaah di masjid-masjid dan balai-balai ibadat.

Melalui acara tersebut, ia akan dapat memberikan semangat jitu kepada para pelatih dalam mengharungi kehidupan dengan tabah dalam membina jati diri demi agama, bangsa dan negara juga memartabatkan imej negara dengan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir sesuai dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Tanggungjawab belia terhadap keluarga, masyarakat, negara

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

SUNGAI AKAR, Rabu, 20 Februari. - Agama Islam diajarkan oleh Rasulullah untuk memberikan kemaslahatan bagi umat manusia. Imam al-Ghazali menggariskan lima objektif utama syariah, iaitu pemeliharaan agama (hifz al-din), pemeliharaan jiwa (hifz al-nafs), pemeliharaan akal (hifz al-aql), pemeliharaan keturunan (hifz an-nasl) dan pemeliharaan harta (hifz al-mal).

Kelima-lima maqasid ini perlu diperhatikan oleh setiap insan sejak dari peringkat belia agar dapat menjadi manusia yang bertanggungjawab dan kita mengetahui bahawa penyokong kekuatan Islam pada zaman dahulu adalah para belia seperti Ali bin Abi Thalib dan Zubair bin Awwam berusia 8 tahun; Thalhah bin Ubaidillah, 11 tahun; Ja'far bin Abi Thalib, 18 tahun; Umar bin al-Khattab, 26 tahun; Abu Bakar al-Shiddiq, 37 tahun dan Utsman bin Affan berumur 34 tahun.

Melihat usia mereka yang merupakan sahabat dan penyokong utama kejayaan agama dalam sejarah Islam, maka para belia sekarang ini dapat menjadikan mereka sebagai Qudwah (contoh) yang baik dalam membela keluarga, masyarakat dan juga negara.

Perkara tersebut antara intipati ceramah yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang juga selaku Penolong Kanan Profesor, Dr. Haji Harapandi Dahri di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkhiah sejurus menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin sama-sama hadir mendengarkan ceramah di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkhiah.

sini.

Dalam ceramahnya bertajuk 'Tanggungjawab Belia terhadap Keluarga, Masyarakat dan Negara' beliau seterusnya menjelaskan, terdapat empat syarat utama bagi para belia untuk mengembangkan tanggungjawab, iaitu Memelihara akidah yang sahih (Ahli Al-Sunnah Waljamaah), Taubat Nashuha (taubat yang benar) dan Memberi maaf kepada semua orang yang bersalah serta Meningkatkan pengetahuan (ilmu-ilmu agama).

Selain itu jelasnya, tanggungjawab belia kepada keluarga ialah Menghormati ibu bapa, adik beradik dan keluarga dengan cara menebarkan kasih sayang di antara sesama mereka, memberikan bantuan moral atau material untuk semua famili, menjaga kehormatan keluarga dengan menjaga harkat dan martabat mereka serta menuntut ilmu dengan sungguh-sungguh.

Sementara tanggungjawab belia terhadap masyarakat tambahnya, adalah dengan memberikan kedamaian bagi setiap orang, tiada mengganggu hak-hak orang lain, berakhlak mulia dan memedulikan kepada masyarakat dan juga siap menerima dan memberi arahan serta nasihat bagi semua orang.

Sebelum mengakhiri ceramahnya, Dr. Haji Harapandi Dahri juga menerangkan mengenai tanggung jawab belia terhadap negara dengan taat setia kepada sultan dan para pemimpin, siap membela negara dari pelbagai anasir perosak, ikut serta dalam memajukan negara melalui pelbagai program yang berkemajuan dan juga melahirkan idea-idea kreatif agar dapat memberikan solusi kepada negara dalam menghadapi pelbagai isu.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Acara yang dianjurkan oleh Ahli

Jawatankuasa Takmir Masjid tersebut juga dihadiri oleh lebih 300 jemaah masjid termasuk pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).



HADIR sama mendengarkan ceramah ialah para pelatih PKBN.

PDI semai semangat patriotik dengan kibarkan bendera negara



WARGA Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama semai semangat patriotik dengan turut mengadakan acara menaikkan bendera.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam Ke-35 Tahun, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama

turut mengadakan acara menaikkan bendera yang berlangsung di pekarangan pusat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

tersebut di Kampung Pulaie.

Hadir pada acara tersebut ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan pusat berkenaan.

Acara tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar diketuai oleh Pembantu Perkembangan Ugama, PDI, Awang Ahmad Khairi bin Haji Hassan diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama PDI, Awangku Muhammad Fuad bin Pengiran Haji Sulaiman.

Seterusnya acara diteruskan dengan nyanyian lagu kebangsaan, Allah Peliharakan Sultan beramai-beramai diikuti dengan tazkirah yang disampaikan

oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, PDI, Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang yang antaranya menekankan perlunya kita menjaga dan menghargai bendera kerana bendera itu sendiri merupakan satu tanda atau lambang identiti sesebuah negara. Di sebalik warna, bentuk dan lambang yang terdapat di dalam bendera itu tersimpan seribu satu kisah pahit manis kehidupan demi memerdekakan bumi bertuah Darussalam ini.

Antara objektif acara diadakan ialah bagi menanamkan semangat patriotik dalam kalangan warga perkhidmatan awam khususnya warga PDI dalam menyemai rasa cinta serta kasih terhadap negara tercinta ini.

Acara diselenggarakan dengan kempen kebersihan dalam dan persekitaran PDI.

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin hadir di Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440 Hijrah / 2019 di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

KUALA BELAIT, Jumaat, 22 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Sempena Menyambut Ulang

Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi telah diadakan di seluruh masjid dan surau di daerah ini.

Tumpuan utama di daerah ini

ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang

DAERAH BELAIT

Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis diungkayahkan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk di negara ini hidup dalam sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Akup bin Haji Lamat.

Sementara Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pegawai-pegawai Kanan dari

Oleh : Noraisah Haji Muhammed

Foto : Hamzah Mohidin

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Hal Ehwal Ugama; Pemangku Pegawai Daerah Belait; Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Daerah Belait; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung; Pengetua-pengetua Maktab / Sekolah Menengah Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Guru-guru Besar Sekolah Rendah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Daerah Belait; Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung; pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan Daerah Belait; pegawai dan kakitangan syarikat-syarikat swasta serta Ahli Takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam.

DAERAH TEMBURONG

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TEMBURONG, Jumaat, 22 Februari. - Kini Negara Brunei Darussalam sudah mencapai kemerdekaan selama 35 tahun yang mana ia merupakan nikmat terbesar kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak semua manusia memilikinya.

Sehubungan itu, Majlis Doa Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi telah diadakan lewat serentak di keempat-empat daerah seluruh negara.

Bagi Daerah Temburong, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Awang

Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Awang Yussof bin Haji Ahad yang kemudiannya mengetuai Sembahyang Sunat Hajat berjemaah.

Bacaan Surah Yaa Siin pula diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Awang Shafrillah bin Haji Ahmad, manakala Doa Selamat diketuai oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Jamil bin Haji Gani.

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440H / 2019M juga telah diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah seperti di Daerah



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin hadir pada Majlis Doa Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Temburong.

Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddin; Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bokiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Amerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkih, Kampung

Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Bagi Daerah Belait pula tertumpu di Masjid Muhammad

Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait; sementara di Daerah Tutong pula diadakan di Masjid Hassanal Bolkih, Pekan Tutong.

DAERAH TUTONG

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Jumaat, 22 Februari. - Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 diadakan serentak di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Seperti lazimnya bersempena dengan acara kenegaraan ini, tumpuan utama bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkih, Pekan Tutong, di sini.

Hadir ke majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato

Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam masjid tersebut, Awang Sahibul Omar bin Haji Mohd. Yusof.

Bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Hassanal Bolkih, Awang Mohammad Fauzi bin Haji Anuar.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Jaya bin Haji Yahya dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak berjemaah, yang diimamkan oleh Awang Sahibul Omar bin Haji Mohd. Yusof.

Majlis keugamaan bertujuan bagi memohon ke hadrat Ilahi agar Negara Brunei Darussalam, raja,



TIMBALAN Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw hadir menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 di Masjid Hassanal Bolkih, Pekan Tutong.

rakyat dan penduduk serta segala isi di dalamnya dan seluruh teluk rantau dan jajahannya akan terus dikurniakan keberkatan dan sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun di atas takhta singgahsana.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai dan kakitangan

serta rakyat dan penduduk di daerah ini.

Negara Brunei Darussalam menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan setiap 23 Februari dan tahun ini merupakan sambutan ke-35 yang membawa tema 'Menjayakan Wawasan Negara'.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 12/02/19 (SPA/BIKL)
Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 23 FEBRUARI 2019
TARIKH TUTUP: 09 MAC 2019

<p>1. PENOLONG PENYELIDIK ARKEOLOGI KANAN C.2-3 EB.4 BAHAGIAN III JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	<p>2. MERINYU PEMASANGAN C.2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN KEKOSONGAN = TIGA (03)</p>
<p>3. MERINYU METER D.4 EB.5 BAHAGIAN IV JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN KEKOSONGAN = DUA (02)</p>	

PERATURAN 38(A)
BILANGAN IKLAN 17/2019 (SPA/BIKL)
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 23 FEBRUARI 2019
TARIKH TUTUP: 16 MAC 2019

<p>1. PENOLONG SETIAUSAHA B.3 BAHAGIAN II PEJABAT SURUHAN/JAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = SATU (01)</p>
--

PERATURAN 38(B)
BILANGAN IKLAN: 18/2019 (SPA/BIKL)
19/2019 (SPA/BIKL)
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/ jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

TARIKH IKLAN: 23 FEBRUARI 2019
TARIKH TUTUP: 16 MAC 2019

<p>1. PENGAWAS LOJI B.2 BAHAGIAN II JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	<p>2. PENOLONG OPERESAN C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = SEPULUH (10)</p>
--	--

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KENYATAAN TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan tawaran serta tarikh tutup tawaran dan tidak menunjukkan identiti pengirim.
3. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (*Business Names of Enactment Section 16 & 17*) atau *List of Directors* dan salinan kad pengenalan.
4. Bayaran menyertai tawaran ini ialah BND12.00 bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibayar di :

Kaunter Bahagian Kewangan
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Tingkat 3, Bangunan Bandaran
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA1512
Negara Brunei Darussalam

5. Dokumen sebut harga bolehlah didapati dari Bahagian Perekonomian, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri semasa waktu pejabat dibuka bermula Isnin, 11 Februari 2019.

Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Bangunan Bandaran Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan BA1512, Negara Brunei Darussalam dan dialamatkan kepada :

PENGERUSI
JAWATANKUASA MENELITI
TAWARAN DAN SEBUT HARGA
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN PENGURUSAN DAN
PENGENDALIAN BAGI
NAMA TAWARAN :
GERAI RAMADHAN, JALAN BENDAHARA,
BANDAR SERI BEGAWAN 1440H / 2019M

BILANGAN TAWARAN :
JBBSB / SH / 2018-2019 / 37 / UPA
TARIKH TUTUP TAWARAN :
KHAMIS, 28 FEBRUARI 2019
JAM : 2.00 PETANG

6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tender yang disebutkan tidak akan dilayan.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

JUALAN SECARA TAWARAN AWAM
BAGI 3 UNIT PERALATAN PERUBATAN KEPUNYAAN
PUSAT PERUBATAN DAN PENYELIDIKAN SUKAN,
JABATAN BELIA DAN SUKAN,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN.

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa JUALAN SECARA TAWARAN AWAM bagi peralatan / perkakas yang telah rosak dan terpakai adalah seperti berikut :

SENARAI KETERANGAN PERALATAN / PERKAKAS :

1. MERAC UNIVERSAL GYM EQUIPMENT INC.
SERIAL NO : 100297
JUMLAH PERALATAN : 1 SET
LOKASI / TEMPAT MELIHAT : UNIT PUSAT STOR
2. LEG EXTENSION
JUMLAH PERALATAN : 1 UNIT
LOKASI / TEMPAT MELIHAT : UNIT PUSAT STOR
3. PERALATAN PEMULIH ANGOTA (FISIO)
JUMLAH PERALATAN : 1 UNIT
LOKASI / TEMPAT MELIHAT : UNIT PUSAT STOR

Syarat-syarat tawaran :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan yang berminat bolehlah mendapatkan borang tawaran pada 18 Februari 2019 (Isnin) bertempat di **Unit hasil Tingkat 4, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**
3. Borang tawaran dijual bagi LOT 1 dengan harga BND5.00 (wang tidak akan dikembalikan). Sila bawa bersama kad pengenalan asal sewaktu pembelian borang tawaran.
4. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan bolehlah melihat barang-barang berkenaan bermula pada 18 Februari 2019, (Isnin) sehingga 27 Februari 2019, (Rabu), semasa waktu pejabat dan bertempat seperti berikut :
Lot 1 Lokasi perlelongan - Unit Pusat Stor, Hubungi : Pg. Abd. Rahman bin Pg. Omar - +673 8630998.

5. Borang-borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar ke :

Jabatan Belia dan Sukan
Peti Tawaran
Tingkat 4
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam.

6. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **27 Februari 2019, (Rabu), jam 2.00 Petang.**

7. Pembeli yang berjaya akan dihubungi oleh pihak urusetia dan dikehendaki untuk membayar secara wang tunai dalam masa 24 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam). Jika pembeli yang berjaya gagal menjelaskan pembayaran berkenaan dalam masa yang telah ditetapkan, maka pembeli yang berjaya adalah dikira menarik diri dan dibatalkan. Manakala pembeli yang tidak berjaya akan dimaklumkan kemudian secara rasmi (persuratan), e-mel atau dikiriman pesanan ringkas melalui SMS / WhatsApp. Untuk makluman lanjut bolehlah menghubungi, Unit Pusat Stor, Stadium Negara Hassanal Bolkhiah Berakas, atau melalui talian telefon dan faksimile : +673 2380858.

8. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

9. Pembeli yang berjaya, tetapi tidak menjelaskan bayaran dalam masa 48 jam setelah dihubungi akan dikenakan tindakan atau disenaraihitamkan mengikut keputusan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Belia dan Sukan.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh pembayaran dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian akan dibatalkan (wang tidak akan dikembalikan).

11. Kelewatan memindah peralatan berkenaan dan menyebabkan barang-barang tersebut hilang, tidak akan dipertanggungjawabkan oleh pihak Jabatan.

12. Jabatan ini berhak untuk membatalkan atau menangguhkan tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG
DI KOMANWEL SEKRETARIAT, LONDON

Jawatan :
a) Facilities Operations Manager

Tarikh tutup : 4 Mac 2019

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut, sila layari laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**BIL. TAWARAN :
KHEU / JPI / LTN / BSK / SMALHB / 01**
KETERANGAN :
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 15 Muatan Bagi Kegunaan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tempoh 5 (Lima) Tahun Tahun 1439H - 1440H / 2018M - 2019M

**BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**
**BIL. TAWARAN :
KHEU / JPI / LTN / BSK / SUAMP
RIPAD / 02**
KETERANGAN :
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 15 Muatan Bagi Kegunaan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tempoh 5 (Lima) Tahun Tahun 1439H - 1440H / 2018M - 2019M

**BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**
**BIL. TAWARAN :
KHEU / JPI / LTN / BSK / SUAMP
RIPAHS / 03**
KETERANGAN :
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 15 Muatan Bagi Kegunaan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok, Dibawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tempoh 5 (Lima) Tahun Tahun 1439H - 1440H / 2018M - 2019M

**BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**
**BIL. TAWARAN :
KHEU / JPI / LTN / BSK / MIB / 04**
KETERANGAN :
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 15 Muatan Bagi Kegunaan Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong, di bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh 5 (Lima) Tahun Tahun 1439H-1440H / 2018M - 2019M

**BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**
**BIL. TAWARAN :
KHEU / JPI / LTN / BSK / SAB / 05**
KETERANGAN :
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 15 Muatan Bagi Kegunaan Sekolah Arab Belait, Daerah Belait, di bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tempoh 5 (Lima) Tahun Tahun 1439H - 1440H / 2018M - 2019M

**BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**
**BIL. TAWARAN :
KHEU / JPI / LTN / BSK / SAT / 06**
KETERANGAN :
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 15 Muatan Bagi Kegunaan Sekolah Arab Temburong, Daerah Temburong, di bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tempoh 5 (Lima) Tahun Tahun 1439H - 1440H / 2018M - 2019M

**BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**
PEMBERITAHUAN TAWARAN
**SYARAT-SYARAT, PANDUAN
DAN MAKLUMAT :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada

syarikat-syarikat yang berdaftar dan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat surat kebenaran untuk berniaga daripada Jabatan Perdana Menteri.

3. Pemohon-pemohon (pemilik syarikat) hendaklah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 serta cap syarikat semasa mengambil borang tawaran dan membayar sebanyak BND10.00 bagi bayaran yuran tawaran (tidak dikembalikan). Jika berwakil, hendaklah membawa bersama Surat Wakil dari Pemilik Syarikat.

 4. Pemohon hendaklah menggunakan **BORANG TAWARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

5. Borang Tawaran bolehlah diperoleh di TINGKAT 1, BAHAGIAN KEWANGAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, setelah membuat pembayaran.

6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap (hendaklah menggunakan dakwat berwarna BIRU / HITAM sahaja [bukan dengan pensil atau bahan yang mudah dipadam]), serta di CAP SYARIKAT, salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 dan salinan resit bayaran yuran tawaran.

7. Borang tawaran yang lengkap diisi beserta salinan dokumen hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup dan ditulis dengan jelas tajuk sebagaimana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti syarikat. borang tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI
Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1
Bahagian Kewangan
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Jalan Menteri Besar
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh tutup tidak lewat pada :

Selasa, 28 Jamadilakhir 1440H / 5 Mac 2019M, tidak lewat jam 2.00 Petang.
**8. TARIKH AKHIR MENGAMBIL
BORANG TAWARAN ADALAH PADA :
Isnin, 27 Jamadilakhir 1440H / 4 Mac 2019M, tidak lewat jam 10.00 Pagi.**

9. Setiap satu tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

10. Setiap syarikat hanya dibenarkan untuk menawarkan 1 (satu) buah bas sewa khas sahaja bagi setiap borang tawaran.

11. Pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama akan memilih syarikat yang berlainan bagi setiap tawaran untuk memberikan perkhidmatan ke Sekolah-Sekolah Arab berkenaan :

**1. KHEU / JPI / LTN / BSK / SMALHB / 01
Keperluan : 3 (tiga) buah**
**2. KHEU / JPI / LTN / BSK / SUAMP
RIPAD / 02
Keperluan : 10 (sepuluh) buah**
**3. KHEU / JPI / LTN / BSK / SUAMP
RIPAHS / 03
Keperluan : 6 (enam) buah**
**4. KHEU / JPI / LTN / BSK / MIB / 04
Keperluan : 4 (empat) buah**
**5. KHEU / JPI / LTN / BSK / SAB / 05
Keperluan : 2 (dua) buah**
**6. KHEU / JPI / LTN / BSK / SAT / 06
Keperluan : 2 (dua) buah**

 12. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

13. Berikut adalah masa-masa bagi menerima pembayaran dokumen dan mengambil borang-borang tawaran :

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA**
**Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran :
Selasa, 5 Mac 2019**
**Tarikh Tutup :
Selasa, 19 Mac 2019 jam 2.00 Petang**
**BILANGAN :
JKR / DBSKB 001 / 2019**
**Nama Projek :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH CERUN DI DAERAH BELAIT
- JALAN MERANGKING KM 21
No. Projek : 2019 ADKB / KEW01**
**YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**
Syarat-syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR / DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN**
**BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 90 / 2018 / 2019
[BPPA-FEB-2019]**
**KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH
MENENGAH PENGIRAN ISTERI
HAJAH MARIAM, SERASA
MUARA, KLUSTER 4,
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**
**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN SEBUT HARGA :
BND5.00
[bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]**
**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
2 MAC 2019
[tidak lewat jam 9.00 Pagi]**
Syarat-Syarat Iklan Sebut Harga :

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa

daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh warga tempatan.

2. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang di terima adalah betul.

3. Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

4. Para penender yang berhasrat menyertai sebut harga ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen sebut harga.



**JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAWARAN BAGI PENYEWAAN
RUANG BAGI PENJUALAN
MAKANAN DAN MINUMAN
DI BANGUNAN IBU PEJABAT
JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

**BILANGAN TAWARAN :
02 / IMMB / 01 / 2019**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di alamat yang tersebut di bawah **tidak lewat pada 13 Mac 2019, Rabu, jam 2.00 Petang.**

**Bahagian Pentadbiran & Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Imigresen
dan Pendaftaran Kebangsaan
Tingkat 4, Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BS3910
Negara Brunei Darussalam**

2. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas **tidak akan dilayan.**

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam dua (2) salinan berserta dengan borang Pengakuan Penender (*Tenderer Declaration*), salinan Pendaftaran Perniagaan (*Business Registration*).

4. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti penender

dengan menulis di luar sampul surat berkenaan seperti berikut :

**BILANGAN TAWARAN :
02 / IMMB / 01 / 2019**

**TAWARAN BAGI PENYEWAAN
RUANG BAGI PENJUALAN
MAKANAN DAN MINUMAN
DI BANGUNAN IBU PEJABAT
JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

**TARIKH TUTUP :
13 MAC 2019**

5. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membayar yuran tawaran sebanyak **BND10.00** (tidak akan dikembalikan). Dokumen dan pembayaran wang cagaran boleh didapati dan dibuat di Bahagian Kewangan, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar pada bila-bila waktu pejabat dibuka.

6. Tawaran ini adalah bagi tempoh **dua (2) tahun** bermula dari tarikh kontrak perjanjian dipersetujui dan ditandatangani.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN :
JUA / 01 / 2019**

**PERMOHONAN PENGUKURAN HAK
MILIK STRATA BAGI PERUMAHAN
NEGARA LAMBAK KANAN /
SALAMBIGAR HOUSING
CONTRACT H40**

**YURAN TAWARAN :
BND50.00**

**TARIKH TUTUP :
SELASA, 12 MAC 2019**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari Jurujuk Tanah Berlesen yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap penender hendaklah menyatakan seperti berikut :

- a) Sah Laku tawaran;
- b) Tempoh masa untuk menyiapkan projek;
- c) Ringkasan tatacara untuk membuat melaksanakan projek ini.

3. Borang *Tender Declaration* hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditandatangani.

4. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperoleh di :

**Tingkat 2
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, BB3510
Negara Brunei Darussalam.**

dengan membayar yuran tawaran di Kaunter Tingkat 2, Jabatan Ukur pada hari bekerja seperti berikut :

Isnin hingga Khamis

**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu**

8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

5. Harga tawaran adalah mengikut harga yang dianggarkan oleh Jabatan Ukur (**BND50.00**) dan harga tawaran bagi e-dokumen adalah sebanyak **BND5.00**.

6. Yuran tawaran tidak dikembalikan.

7. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran tersebut di atas. Tawaran hendaklah dihadapkan tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada **Selasa, 12 Mac 2019** kepada alamat berikut :

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pembangunan
Jalan Pembangunan
Berakas, BB3510
Negara Brunei Darussalam.**

8. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

9. Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan
- Lesen Tahunan (jika berkenaan)
- Kad Pengenalan / Pasport
- Daftar Pemilik Syarikat

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

SYARAT-syarat untuk mengikut tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikut sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.**

3. Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

(1)
**BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 316 / 2018**

**TAJUK :
TERM CONTRACT (12 MONTHS) FOR JANITORIAL CLEANING
AND HOUSEKEEPING WORKS AT INSTITUTE TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH, JALAN TUTONG,
BANDAR SERI BEGAWAN**

**TARIKH TUTUP :
RABU, 6 MAC 2019, 2.00 PETANG**

**KELAS I & II DALAM
KATEGORI S 02 & 03 SAHAJA**

YURAN TAWARAN : (TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)

(2)
**BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 334 / 2018**

**TAJUK :
TERM CONTRACT (12 MONTHS) FOR JANITORIAL CLEANING
AND HOUSEKEEPING WORKS AT INSTITUTE TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH, JALAN ONG SUM PING,
BANDAR SERI BEGAWAN**

**TARIKH TUTUP :
RABU, 6 MAC 2019, 2.00 PETANG**

**KELAS I & II DALAM
KATEGORI S 02 & 03 SAHAJA**

YURAN TAWARAN : (TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)



**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
7 Mac 2019, jam 2.00 Petang.**

**JUALAN LELONG BAGI
PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA
SECARA TAWARAN AWAM
(SEBUT HARGA)**

**TEMPAT MENGHANTAR :
Peti Sebut Harga, Tingkat 2
Bahagian Pentadbiran
Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Lapangan Terbang Lama, BSB.**

JUALAN lelong secara tawaran awam (sebut harga) bagi 132 unit perabot pejabat seperti dinyatakan di bawah :

KETERANGAN :

- 1. Meja kerja pelbagai jenis
Jumlah : 34 buah
Kategori : LOT A
- 2. Kabinet pelbagai jenis
Jumlah : 24 buah
Kategori : LOT B
- 3. Kerusi
Jumlah : 70 buah
Kategori : LOT C
- 4. Dinding Angin
Jumlah : 4 buah
Kategori : LOT D

TEMPAT MELIHAT :

Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Lapangan Terbang Lama Berakas

Syarat-Syarat tawaran lelong awam :

- 1. Tawaran adalah dibukakan kepada orang ramai.
- 2. Orang ramai yang hendak ikut serta dalam tawaran secara sebut harga ini hendaklah menggunakan borang yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang boleh diperolehi di Tingkat 2, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan.
- 3. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga ini akan dihubungi untuk urusan seterusnya.
- 4. Tawaran awam secara sebut harga yang berjaya dinilai berdasarkan kepada harga tawaran yang tertinggi.
- 5. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya dikehendaki memindahkan peralatan berkenaan tidak lewat 3 hari dari tarikh pembayaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 6 Februari 2019**. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

4. Mana-mana pemborong yang berhasrat untuk menyertai tawaran-tawaran yang diiklankan di bawah Kementerian Kesihatan disarankan untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai persyaratan-persyaratan tawaran di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :

**PHARM / 519 / 2018 / 2019
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT
OF PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 520 / 2018 / 2019 / PKA (TC)
KETERANGAN :
THE PROVISION OF FOOD AND
DRINK VENDING MACHINES
SERVICES AT THE HEALTH
SCREENING CENTRE, BERAKAS
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS
YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 521 / 2018 / 2019 / JPR (TC)
KETERANGAN :
FIVE (5) YEARS TERM CONTRACT
FOR COMPREHENSIVE
MAINTENANCE AND REPAIR OF
GENERATOR SETS AT RENAL
DIALYSIS CENTRES IN RINBA,
KIARONG AND TUTONG,
DEPARTMENT OF RENAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

**Kelayakan Pembekal /Pemborong :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan
dan Kementerian Pembangunan
Kelas / Kategori :
M03, E01, E02 & E03
YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**TARIKH TUTUP :
5 MAC 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**IKLAN WEBSITE PADA
6 FEBRUARI 2019**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. 1 :
MINDEF / DFA / RC / 216 (2)
MAINTENANCE SERVICES,
REPAIR (MINOR & MAJOR
WORK) AND SUPPLY OF SPARE
PARTS FOR YAMAHA BRAND
MOTORCYCLE IN SERVICE
WITH THE MINISTRY OF
DEFENCE AND ROYAL BRUNEI
ARMED FORCES
- FIVE (5) YEARS CONTRACT**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)**

**NOTA :
Information Day akan dimaklumkan
kemudian**

**TAWARAN NO. 2 :
MINDEF / DFA / 2018 / NV /
TA / 06
PEMBELIAN AKSESORI
PAKAIAN ANGGOTA TENTERA
LAUT DIRAJA BRUNEI**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
18 FEBRUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 19 MARCH 2019
(jam 2.00 Petang)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :
a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah
dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga
Tawaran Kecil, Bangunan Arkib,
Aras Bawah, Kementerian Pertahanan,
Bolkiah Garison, BB3510, Negara
Brunei Darussalam, **tidak lewat pada
tarikh-tarikh dan waktu seperti yang
dinyatakan di atas.****

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula seperti tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran
dan mendapatkan borang tawaran :
Isnin dan Rabu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. 1 :
MINDEF / DFA / 2019 / LB /
TA / 001
PERMOHONAN PEMBELIAN
KENDERAAN ABDB - MEDIUM
TRUCK 4 TON 4 X 4 GS CARGO**

**BAYARAN TAWARAN :
BND500.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
11 FEBRUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 12 MAC 2019
(jam 2.00 Petang)**

**TAWARAN NO. 2 :
MINDEF / DFA / 2019 / LB /
TA / 002
PEMBELIAN KENDERAAN
ABDB - VEHICLE 4 X 4
(Qty : 06 EA)**

**BAYARAN TAWARAN :
BND100.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
11 FEBRUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 12 MAC 2019
(jam 2.00 Petang)**

**BAYARAN TAWARAN :
BND100.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
11 FEBRUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 12 MAC 2019
(jam 2.00 Petang)**

**TAWARAN NO. 3 :
MINDEF / DFA / 2019 / LB /
TA / 003
PEMBELIAN KENDERAAN ABDB
- MINI BUS 14 - 15 SEATERS**

**BAYARAN TAWARAN :
BND50.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
11 FEBRUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 12 MAC 2019
(jam 2.00 Petang)**

**TAWARAN NO. 4 :
MINDEF / DFA / 2019 / LB /
TA / 004
PEMBELIAN KENDERAAN ABDB
- MEDIUM BUS 26 - 30 SEATERS**

**BAYARAN TAWARAN :
BND100.00 - TENDER FEE**

(tidak dikembalikan)

**TARIKH MULA MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
11 FEBRUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 12 MAC 2019
(jam 2.00 Petang)**

**TAWARAN NO. 5 :
MINDEF / DFA / 2019 / LB /
TA / 005
PEMBELIAN KENDERAAN ABDB
- LARGE BUS 42 SEATERS**

**BAYARAN TAWARAN :
BND50.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
11 FEBRUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 12 MAC 2019
(jam 2.00 Petang)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :
a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah
dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga
Tawaran Kecil, Bangunan Arkib,
Aras Bawah, Kementerian Pertahanan,
Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei
Darussalam, **tidak lewat pada tarikh-
tarikh dan waktu seperti yang
dinyatakan di atas.****

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula seperti tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran
dan mendapatkan borang tawaran :
Isnin dan Rabu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



ڦيسٽا بؤكو برونڦي ٢٠١٩

PESTA BUKU BRUNEI 2019

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA-BRUNEI DARUSSALAM KE-35, TAHUN 2019



Pukul:

8.00 pagi – 10.00 malam

Hari Jumaat:

9.00 pagi – 11.30 pagi

2.00 petang – 10.00 malam

Kesultanan Oman Sebagai
'Country of Honour'

Lestari Buku Era Digital



Tarikh:

22 – 28 Jamadilakhir 1440
27 Februari – 05 Mac 2019

Anjuran:

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tempat:

Stadium Tertutup
Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah,
Berakas



pestabukubrunei@dbp.gov.bn



PBBrunei



Pesta Buku Brunei

Majlis Pembukaan Bengkel Lughatul Mu'allim, KUPU SB

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Bengkel Lughatul Mu'allim adalah sebuah program yang diperkenalkan khusus bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

ia mula diadakan buat kali pertama pada tahun 2017, iaitu bagi seramai 20 pegawai dan guru Sekolah Arab pada setiap sesi bengkel diadakan (10 minggu).

Program itu merupakan usaha Kolej Universiti Perguruan Seri Begawan (KUPU SB) sebagai institusi perguruan dalam meningkatkan kemampuan para guru dalam menguasai kaedah dan teknik pengajaran juga pembelajaran bahasa Arab, agar dapat diperbaiki dan dikemas kini di sekolah masing-masing.

Sehubungan dengan keperluan bagi perkembangan kemahiran guru-guru berkenaan, maka bengkel tersebut dianjurkan lagi buat kali ketiga bermula 21 Februari hingga 15 Mei.

Majlis Pembukaan bengkel diadakan di Dewan Ta'lim, KUPU SB. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang yang seterusnya menyampaikan cenderahati kepada pembentang ucapatama.

Antara objektif bengkel dianjurkan ialah bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Keenam 2016, iaitu agar mempertingkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang hadir selaku tetamu kehormat pada Bengkel Lughatul Mu'allim.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Seri Begawan**

Selain itu, ia juga bagi memastikan para guru dapat menguasai empat kemahiran asas dalam bidang bahasa Arab, iaitu Istima', Qira'ah, Kitabah dan Kalam.

Selanjutnya, bengkel tersebut juga diharap dapat memberikan pendedahan kepada para guru akan pedagogi pengajaran bahasa Arab yang terkini dan lebih efektif, selain menyediakan peluang bertukar-tukar pengalaman berkaitan isu-isu yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, seterusnya mencari mekanisme terbaik ke arah

penyelesaian dan pembaikan yang berkesan.

Majlis Pembukaan bengkel diisi dengan pembentangan ucapatama daripada Penolong Profesor Pusat Bahasa KUPU SB, Dr. Abdelbaset Slama Hekal mengenai 'Kaedah menguasai Kemahiran Bertutur (dalam bahasa Arab)'.
Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Timbalan Ra'es, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Pemangku Penolong Ra'es, Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh; pegawai-pegawai utama; dan mahasiswa KUPU SB.

Didik masyarakat hormati bendera negara



AWANG Haji Ismail bin Haji Suhaili dari Kampung Rimba.



AWANG Haji Ghazali bin Haji Yahya dari Kampung Merangang.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Februari. - Ke arah memupuk kesedaran semangat patriotisme dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini terutama golongan rakyat negara Brunei Darussalam perlu meningkatkan kesedaran mereka dalam memberikan penghormatan dan

meletakkan bendera sebagai lambang rasa jati diri, secara langsung dapat mendidik mereka untuk menjaga, menghormati serta memperkasakan bendera sebagai lambang kedaulatan negara, yang mana nilai-nilai inilah yang perlu dipupuk dan disemaikan kepada orang ramai.

Dalam temu bual bersama Awang Haji Ghazali bin Haji Yahya dari Kampung Merangang berkata kesedaran dan kepentingan menaikkan bendera ternyata sudah dilatih untuk menghayati bendera negara sejak dari awal lagi, memandangkan pengetahuannya terhadap setiap lambang-lambang yang terdapat di atas bendera.

Di samping itu, selain untuk mendukung hasrat murni dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pembangunan dan kesejahteraan negara, sebagaimana yang dipegang di dalam Wawasan Negara 2035 dan selaras dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Manakala bagi Awang Haji Ismail bin Haji Suhaili dari Kampung Rimba berkata mengibarkan bendera adalah untuk menanamkan rasa kecintaan terhadap tanah air, iaitu Negara Brunei Darussalam dan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan orang ramai.

Bendera Negara Brunei Darussalam yang kita kibarkan dengan megah jelasnya, bukan hanya sekadar satu kain sahaja malah ia adalah sebagai lambang kedaulatan bangsa dengan rakyat

Pelajar negara di Kaherah, selamat

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Rabu, 20 Februari. - Berikutan insiden serangan bom berdekatan masjid Al-Azhar, Kaherah, Republik Arab Mesir pada Isnin, 18 Februari 2019 Masihi.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa kesemua pelajar Negara Brunei Darussalam yang berada di Kaherah, Republik Arab Mesir berada dalam keadaan selamat dan pembelajaran berjalan seperti biasa.

Orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan atau rujukan mengenai apa jua maklumat yang diperlukan mengenai pelajar Negara Brunei Darussalam yang berada di Republik Arab Mesir, bolehlah berhubung terus ke Bahagian Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat 14, Blok 2J, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, BA1131 atau menghubungi melalui talian +673 2231064 (waktu pejabat).

Marilah kita sama-sama berdoa semoga kesemua pelajar dan rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di Republik Arab Mesir sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan dijauhi daripada segala perkara yang tidak diingini.

Penjagaan kesihatan ketika cuaca panas dan gelombang haba

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 September. - Berikutan keadaan cuaca panas dan gelombang haba (*heat wave*) yang dialami di Negara Brunei Darussalam pada kebelakangan ini, Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah penjagaan dan perlindungan diri daripada kesan akibat cuaca panas dan gelombang haba yang boleh menjejaskan kesihatan.

Cuaca panas yang terlampau boleh menyebabkan seseorang kerap berpeluh dan kekurangan cecair dalam tubuh, justeru boleh mengakibatkan individu terbahit mudah berasa letih dan kurang bertenaga juga berisiko mengalami dehidrasi (kekurangan air dalam badan) dan strok haba (*heat stroke*).

Kanak-kanak dan warga emas adalah antara mereka yang paling berisiko mengalami masalah kesihatan daripada keadaan ini. Sehubungan itu, bagi mengelakkan dan mengurangkan kesan terhadap kesihatan akibat cuaca panas ini, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah seperti berikut :

Menangguhkan atau menghadkan aktiviti lasak seperti berkayak, berbasikal, 'marathon' dan lain-lain aktiviti semasa berlakunya gelombang haba ini sehinggalah keadaan kembali reda.

Jika tidak dapat dielakkan, pakailah topi atau payung yang boleh melindungi diri daripada terlalu terdedah dengan cuaca panas; Gunakan pelindung matahari (*sunblock*) yang bersesuaian; Banyak meminum air bagi mengelakkan daripada dehidrasi semasa cuaca panas. Sentiasa berbekal dengan air yang dimasak atau air dalam botol dan minum secukupnya, dan elak daripada meminum minuman yang tinggi gula.

Elakkan memakai pakaian berwarna gelap, tebal dan ketat; Sebolehnya berada atau melakukan aktiviti di dalam rumah atau bangunan yang mempunyai pengudaraan yang mencukupi.

Jangan sekali-kali duduk atau tinggalkan orang atau haiwan peliharaan di dalam kenderaan yang tertutup tanpa penghawa dingin.

Ketahui tanda-tanda awal strok haba dan segera berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan. Antara tanda-tanda strok haba termasuklah mengalami suhu badan yang tinggi; berasa pening; kurang berpeluh, walaupun cuaca panas; kulit kemerahan, kering dan panas; mengalami kelemahan atau kekejangan pada otot; berasa mual dan muntah; mengalami denyutan jantung yang cepat; mengalami pernafasan yang cepat dan cetek; mengalami perubahan tingkah laku seperti kekeliruan, hilang konsentrasi atau kekejangan; sawan; dan tidak sedarkan diri.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa bersiap sedia dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya ketika menghadapi cuaca panas dan gelombang haba, seterusnya memberikan maklumat kepada orang ramai dari semasa ke semasa.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang maklum balas, orang ramai bolehlah mengunjungi laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau Facebook / Instagram @MOHBrunei atau menghubungi Talian Darussalam 123.

yang berpegang teguh dan negara yang punya wawasan murni *Baldatun Taibatun Warabbun Ghafur*.

Beliau turut mengingatkan agar seluruh rakyat dan

penduduk menghormati Bendera Kebangsaan kita dan mengibarkannya dengan sempurna di mana sebelum menaikannya, pastikan bendera dalam keadaan baik, kemas, tidak lusuh, kotor atau koyak rabak.

UNISSA terima kunjungan muhibah, universiti terkemuka Indonesia



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan muhibah daripada rombongan perwakilan seramai 10 orang daripada empat buah universiti terkemuka di Indonesia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan muhibah daripada rombongan perwakilan

seramai 10 orang daripada empat buah universiti terkemuka di Indonesia.

Ketibaan delegasi tersebut dialu-alukan oleh Timbalan Rektor

UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Universiti tersebut ialah Universitas Airlangga, Surabaya;

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Universitas Diponegoro, Semarang; Universitas Negeri Malang; dan Universitas Hasanuddin Makasar.

Universiti-universiti tersebut juga menyertai Ekspo Pengajian Tinggi 2019 yang diadakan pada 16 dan 17 Februari di Bridex Hall 2 dan mengambil kesempatan membuat kunjungan ke UNISSA.

Dalam ucapan alu-aluan, Timbalan Rektor mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kesempatan perjumpaan universiti Republik Indonesia, yang mana perjumpaan itu merupakan pengenalan awal jalinan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Dalam sesi perbincangan, kesemua perwakilan setiap universiti Republik Indonesia merancang untuk meneruskan lagi

jaringan kerjasama pada waktu terdekat bersama UNISSA, seperti mengadakan program pertukaran pelajar; pengendalian seminar atau bengkel; dan usaha-usaha yang akan lebih memperkayakan bidang ilmu pengetahuan.

Pihak rombongan juga menawarkan kepada yang berminat untuk mengikuti pengajian di universiti Indonesia dengan memberikan dana pembelajaran mengikut bidang yang diikuti.

Perjumpaan UNISSA bersama universiti-universiti Republik Indonesia berkenaan bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturahim dan bertukar-tukar maklumat, yang turut dihadiri oleh pihak Kedutaan Besar Republik Indonesia, diketuai oleh Setiausaha Ketiga, Wahyu Prabowo.

Hukuman penjara 18 bulan atas pertuduhan rasuah

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Seorang penjawat awam, iaitu Wadar 543 Awang Norizam bin Awang Hidup (Awang Norizam) dijatuhkan hukuman penjara 18 bulan oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan setelah didapati bersalah di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131) dan Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) pada 14 Februari 2019, bagi tiga pertuduhan di bawah Bab 59 Akta Penjara (Penggagal 51). Mahkamah menjatuhkan hukuman satu bulan penjara bagi setiap pertuduhan setelah Awang Norizam mengaku bersalah terhadap ketiga-tiga pertuduhan tersebut.

Majistret memerintahkan hukuman dijalankan serentak, yang membawa jumlah hukuman 18 bulan penjara bermula daripada tarikh sabit kesalahan, iaitu pada 14 Februari 2019.

Bagi kesalahan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131), siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa pada atau sekitar bulan Ogos 2015, Awang Norizam dengan secara tidak jujur telah menerima wang daripada seorang banduan, warganegara Sri Lanka, bernama Pathmanathan Jegan @ Muhammad Saifullah bin Abdullah (Jegan), berjumlah 200 Euro bersamaan BND295.62 (Ringgit Brunei Dua Ratus Sembilan Puluh Lima dan Enam Puluh Dua Sen) yang dihantar oleh keluarga Jegan melalui penghantaran wang Western Union, Bandar Seri Begawan, sebagai ganjaran membenarkan Jegan menggunakan telefon bimbit kepunyaan Awang Norizam untuk menghubungi seseorang di luar penjara tanpa kebenaran Pegawai Penguasa Jabatan Penjara.

Bagi kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22), siasatan BMR juga mendapati bahawa Awang Norizam telah menerima wang dengan tiada balasan daripada Jegan, yang mana Awang Norizam mengetahui bahawa dia mempunyai hubungan tugas rasmi sebagai seorang penjawat awam.

Pada 1 Mac 2017, Awang Norizam dan Jegan dihadapkan ke Mahkamah Majistret. Awang Norizam didakwa atas satu pertuduhan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131), satu pertuduhan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan tiga pertuduhan di bawah Bab 59 Akta Penjara (Penggagal 51).

Manakala Jegan didakwa atas satu pertuduhan di bawah Bab 6 (b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131) kerana telah memberi wang suapan tersebut kepada Awang Norizam dan satu pertuduhan di bawah Bab 109 Kanun Hukuman Jenayah dibaca bersama Bab 165 akta yang sama atas kesalahan bersubahat dengan Awang Norizam untuk melakukan kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22).

Pada 29 Mac 2017, semasa dihadapkan di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan, Awang Norizam mengaku bersalah atas tiga pertuduhan di bawah Bab 59 Akta Penjara (Penggagal 51). Walau bagaimanapun, Awang Norizam mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan di bawah Bab 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131) dan pertuduhan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan meminta kes tersebut dibicarakan.

Pada 11 April 2017, Jegan dijatuhkan hukuman penjara selama 12 bulan setelah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131) dan Hukum Kanun Jenayah (Penggagal 22) yang disebutkan di atas.

Pihak pendakwaan diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abd. Ghani dari Jabatan Peguam Negara. Manakala Awang Norizam diwakili oleh Peguam Bela, Sheikh Noordin bin Sheikh Mohammad.



Tajuk-tajuk yang akan datang ialah:

- 1) 'Bendera atau Anak Merdeka' - Tarikh Tutup : 23 Februari 2019
- 2) 'Suasana Sambutan Hari Kebangsaan' - Tarikh Tutup : 9 Mac 2019
- 3) 'Aktiviti Cuti Persekolahan' - Tarikh Tutup : 23 Mac 2019

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG, high resolution dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 50 perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui e-mel

pelita.brunei@information.gov.bn

4. Jabatan Penerangan berhak untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.

Kemalangan ragut nyawa seorang warga emas

Siaran Akhbar :
Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Rabu, 20 Februari. - Seorang warga emas lelaki, warganegara tempatan meninggal dunia selepas terlibat dengan kemalangan yang berlaku

di kawasan Km 53 Lebuhraya Tutong / Muara, Penanjong Tutong hala Muara.

Balai Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB)

mengesahkan kemalangan tersebut melalui panggilan kecemasan yang diterima sekitar jam 7.48 pagi.

PPDB ingin menyarankan kepada para pemandu dan pengguna jalan raya agar sentiasa menumpukan perhatian di jalan raya dan kawasan sekeliling semasa memandu.



Apa Pendapat Biskita?

Pupuk nilai patriotisme belia secara berterusan

JIKA zaman dulu-dulu, ketika nenek moyang kita menyebut serta melafazkan perkataan merdeka dengan suara bergetar yang mempunyai rasa dalam jiwa kerana berasa sangat-sangat terharu, sangat gembira dan sangat bersyukur.

Kini bagaimana perasaan kita apabila perkataan merdeka ini disebut atau dilafazkan? Adakah kita berasa terharu? Adakah kita bersyukur? Atau paling tidak, adakah kita rasa bangga?

35 tahun negara kita Brunei Darussalam telah merdeka daripada penjajahan, Alhamdulillah negara kita sudah menampakkan perubahan dari segala hal dan kemajuan, sejak pertama kali negara mencapai kemerdekaan ia merupakan satu sejarah yang begitu gah pada mata dunia, malah kini negara kita juga sudah sejajar dengan negara-negara maju lainnya. Tetapi bagaimana pula dengan remaja belia kita? Adakah mereka dapat menyelami apa itu erti kemerdekaan? Adakah jiwa dan fikiran mereka benar-benar merdeka dan tersimpan semangat patriotisme?

Bagi pendapat saya sendiri selaku penulis ruangan Apa Pendapat Biskita, patriotisme sering kali dikaitkan dengan cintakan watan yang menjadi satu semangat atau nilai yang perlu dihayati oleh segenap lapisan masyarakat khususnya generasi muda.

Nilai patriotisme yang menjadi sebahagian daripada nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Adalah sangat wajar bagi generasi muda khususnya menjadikan nilai patriotisme sebagai amalan atau pegangan serta disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat di negara kita demi kelangsungan negara dalam menghadapi era pasca modernisme dan dikenali sebagai masyarakat majmuk. Patriotisme juga banyak bergantung kepada tindakan simbolik, seperti pengibaran bendera, menyanyi lagu kebangsaan, menyertai perhimpunan, meletakkan bendera kecil pada kenderaan atau meja-meja sekolah atau apa cara sekalipun untuk menyatakan kesetiaan kepada negara pada peringkat umum.

"Tanpa kita sedar patriotisme memainkan peranan yang sangat penting dalam diri setiap rakyat di negara ini dalam mengekalkan kemerdekaan yang telah kita capai selama ini. Lagipun kebanyakan tema kemerdekaan berkaitan dengan perpaduan rakyat. Kita dapat lihat betapa pentingnya perpaduan sebagai pengikat dalam kalangan rakyat di negara ini terutamanya kepada para remaja dan belia negara di mana mereka ini haruslah dididik dalam menyemai semangat perpaduan di antara belia-belie negara begitu juga semangat patriotisme bagi memupuk semangat perpaduan yang tinggi seklaik gus menentukan hala tuju negara ke arah negara maju yang kukuh. Lagipun kejayaan yang telah dicapai oleh negara dan rakyat pada hari ini bukanlah bergantung kepada individu semata-mata, tetapi merangkumi semua aspek seperti ke arah patriotisme rakyat." - Fauziah, Gadong Villa.

"Semangat perpaduan atau patriotisme seharusnya disemat di dalam sanubari anak-anak muda kita kerana mereka ini merupakan pemangkin kepada pembangunan negara pada masa datang, namun perilaku anak bangsa sekarang ini kelihatan semakin jauh atau melupai untuk mendalami erti sebenar semangat patriotisme ini kerana anak muda sekarang lebih mudah terpengaruh dengan perilaku negatif sehingga leka dalam menghayati semangat patriotik, justeru, inti pati semangat patriotisme ini perlu diselit dalam pendidikan negara terutama dari sekolah rendah, bak kata pepatah Melayu 'melentur buluh biarlah dari rebungny'. Oleh itu, pendidik perlu menyemai semangat patriotisme dengan lebih kreatif supaya pelajar dapat menjiwai dengan lebih mendalam." - Pg. Khairulnizam Pg. HB, BSB.

"Remaja atau belia yang patriotik mempunyai ciri bergiat aktif dalam agenda kerajaan untuk membangunkan negara dan hal ini demikian kerana peranan golongan belia dalam sesuatu aktiviti peringkat kebangsaan adalah sangat penting sehingga boleh menentukan kejayaan aktiviti tersebut. Bahkan remaja / belia yang menyahut inisiatif Dasar Belia Negara akan menghindarkan diri daripada pelbagai jenis gejala sosial seperti merokok, menghisap dadah dan vandalisme, sebaliknya remaja / belia tersebut akan belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi seorang individu yang berjaya dapat menyumbangkan bakti kepada negara, natiyahnya, ciri bergiat aktif dalam agenda pembangunan negara ada pada remaja yang bersikap patriotik." - Ariffin Salleh.

Jelas bagi saya, ciri seorang remaja atau belia yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi adalah menyambut hari kemerdekaan negara pada setiap tahun. Hal ini supaya remaja atau belia sentiasa mengingati usaha-usaha para pemimpin negara terdahulu yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan negara dan sikap bertanggungjawab mempertahankan kemerdekaan negara akan disemarakkan dalam diri setiap remaja serta belia tersebut, ini juga jelas kelihatan di mana remaja dan belia yang patriotik akan mengambil bahagian dalam perbarisan semasa sambutan Hari Kebangsaan di negara ini pada setiap tahun di mana mereka ini sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk mempamerkan semangat kekitaan yang masih kental sebagaimana kata mutiara sarjana, "Jika ingin melihat masa hadapan sebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini."

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

i. Makan gaji vs Kerja sendiri.

ii. Kesan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar.

Perbicaraan bermula Isnin, 4 Mac

Siaran Akhbar : Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Sebutan kes pada Selasa, 19 Februari 2019 telah didengar di hadapan, oleh Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Amat Arif Gareth Lugar-Mawson, yang juga akan mendengar perbicaraan terhadap dua bekas Pegawai Kehakiman, Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama); dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Badaruddin (Tertuduh Kedua).

Semasa sebutan kes tersebut, beberapa perkara ditimbulkan oleh pihak Pendakwa Raya dan Peguam Bela untuk persediaan perbicaraan yang akan bermula pada 4 Mac 2019.

Jonathan Caplan, QC yang mewakili pihak Pendakwa Raya, memberikan latar belakang kes tersebut. Tertuduh Pertama, di antara jawatan kehakiman yang dijabatnya, merupakan Timbalan Penerima Rasmi dari Kamar Penerima Rasmi dan adalah dengan peranan ini, maka perbicaraan ini timbul.

Caplan, QC seterusnya menerangkan bahawa Tertuduh Kedua juga bertugas sebagai Majistret Kanan dan Hakim Mahkamah Perantaraan. Beliau menambah bahawa kedua tertuduh telah 'perdituduhkan' pada 23 Julai 2018 dengan beberapa kesalahan berbeza.

Tertuduh Pertama didakwa dengan satu ratus empat puluh enam (146) tuduhan pecah amanah; Tertuduh Pertama dan Kedua dituduh pengubal wang haram; dan setiap tertuduh masing-masing dituduh atas pemilikan harta yang tidak sejajar dengan kakitangan awam (*possession of unexplained property by public servant*).

Caplan, QC seterusnya menerangkan bahawa semasa perbicaraan awal pada 16 Oktober 2018, perbicaraan menetapkan perbicaraan kes ini akan bermula pada 2 Februari 2019, akan tetapi pada bulan Januari 2019, pihak defendan memohon untuk penangguhan perbicaraan. Perbicaraan telah ditangguhkan ke 4 Mac 2019 dan pihak defendan sekarang akan diwakili oleh Simon Farrell, QC.

Caplan, QC menyediakan ringkasan kes pendakwa raya yang disampaikan ke mahkamah dan kepada defendan. Ringkasan tersebut menyebutkan mengenai dengan peringkat-peringkat jenayah dilakukan :

Pertama, adalah didakwa bahawa pertuduhan pecah amanah di antara tahun 2004 - 2017, di mana Tertuduh Pertama membuat sejumlah pengeluaran wang daripada sejumlah besar akaun penghutang di bawah pengawasan beliau sebagai Timbalan Penerima Rasmi, iaitu sebanyak BND15.75 juta.

Pengeluaran wang di antara tahun 2004 - 2017 itu dilakukan di Bank BIBD, di mana akaun-akaun penghutang dibuka dan dipegang, dan bahawa ia merupakan kes bagi pendakwa raya yang Tertuduh Pertama tidak mempunyai alasan khusus untuk membuat pengeluaran wang dari mana-mana akaun tersebut.

Kedua, masing-masing Tertuduh Pertama dan Kedua telah menguruskan wang yang didapati itu dengan beberapa cara yang menimbulkan kesalahan pengubalan wang haram dan ia

dengan cara membuat pemasukan wang ke dalam akaun bersama mereka di Standard Chartered Bank, dengan membelanjakan sebahagian wang untuk benda mewah seperti kenderaan dan menghantar sebahagiannya untuk pemasukan akaun mereka di luar negeri di United Kingdom.

Caplan, QC menerangkan bahawa fakta-fakta itu menimbulkan pertuduhan pecah amanah terhadap Tertuduh Pertama seorang; pertuduhan pengubalan wang haram terhadap kedua-dua tertuduh; dan tuduhan terhadap setiap tertuduh untuk pemilikan harta yang tidak sejajar sebagai kakitangan awam (*possession of unexplained property by public servant*), berhubung dengan baki simpanan, kereta-kereta dan benda-benda mewah.

Caplan, QC, menerangkan kepada Pesuruhjaya Kehakiman Lugar Mawson bahawa pihak Pendakwa Raya memberi kepada pihak defendan beberapa dokumen seperti slip pengeluaran wang, slip pemasukan wang yang berkaitan dan senarai saksi provisional dan bahawa pihak Peguam Bela (defendan) juga akan memeriksa fail-fail kebankrapan yang berkaitan pada minggu hadapan.

Pihak Pendakwa Raya akan memberikan dokumen-dokumen lebih lanjut kepada pihak defendan, iaitu :

Berhubung dengan pertuduhan pecah amanah, sebuah fail dengan slip pengeluaran wang, buku-buku akaun simpanan penghutang-penghutang dan jika tidak ada buku akaun, bahagian berkaitan akaun penghutang yang dalam pertanyaan dan berbagai lagi dokumen lain; dan Berhubung dengan pertuduhan pengubalan wang haram, slip-slip pemasukan wang, keterangan akaun simpanan bersama mereka yang memperlihatkan baki, dokumen menunjukkan pembelian kereta dengan wang, dokumen dari bank dan penjual kereta yang melaporkan wang kertas bernilai \$10,000 dolar yang ditujukan kepada mereka dan daripada siapa, dan ia akan menunjukkan bahawa tertuduh, sama ada telah memasukkan wang kertas \$10,000 dolar dengan bilangan tertentu atau menggunakannya untuk membeli barangan dengan cara yang sama. Adalah kes bagi Pendakwa Raya bahawa wang kertas dan nombor-nombor berkenaan, atau sebahagian daripadanya, boleh dikesan semula ke wang kertas \$10,000 dolar yang telah diberikan oleh bank BIBD apabila Tertuduh Pertama membuat pengeluaran wang daripada akaun-akaun penghutang.

Caplan, QC seterusnya memberitahu Pesuruhjaya Kehakiman Yang Amat Arif Gareth Lugar-Mawson cadangan bagi Pendakwa Raya untuk memanggil saksi-saksi dengan kategori dan urutan berikut :

Penerima Rasmi, Timbalan-timbalan Penerima Rasmi dari Unit Kebankrapan yang boleh menerangkan bagaimana akaun penghutang boleh diwujudkan, bagaimana mereka diawasi dan tugas-tugas Penerima Rasmi dalam mengawasi akaun-akaun dan sama ada atau tidak wang pernah dikeluarkan daripada akaun-akaun berkenaan; Pegawai-pegawai bank

dari Bank BIBD, di mana pengeluaran wang telah dibuat; Pegawai-pegawai bank dari Standard Chartered Bank, di mana pemasukan wang telah dibuat dan penghantaran keluar negeri dibuat; Saksi-saksi pihak ketiga seperti penjual kereta; dan Saksi-saksi polis dan Biro Mencegah Rasuah.

Satu kumpulan tuduhan telah dihadapkan oleh Pendakwa Raya kepada Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Amat Arif Gareth Lugar-Mawson. Dalam menerangkan kenapa Pendakwa Raya menambah pertuduhan-pertuduhan baharu. Caplan, QC menerangkan bahawa tuduhan asal berjumlah satu ratus lima puluh dua (152) dan satu ratus empat puluh enam (146) adalah pertuduhan pecah amanah individu.

Caplan, QC selanjutnya menghadapkan bahawa seksyen 153(2) Criminal Procedure Code menggariskan bahawa 'apabila tertuduh didakwa dengan pecah amanah atau tidak jujur menggelapkan wang, ia adalah cukup untuk menspesifikasikan jumlah kasar berhubung dengan dakwaan kesalahan yang dilakukan dan tarikh-tarikh, bilamana dakwaan kesalahan telah dilakukan, tanpa menspesifikasi kasikan barang tertentu atau tarikh tepat'.

Dengan yang demikian, apa yang dilakukan oleh Pendakwa Raya dengan pertuduhan baharu ialah untuk menentukan bagi setiap tahun jumlah kasar untuk kesemua pengeluaran wang pada tahun-tahun yang diberikan dan lampiran akan menerangkan bagaimana ia dikira. Caplan, QC menghadapkan bahawa jumlah wang yang digelapkan ialah BND15.75 juta dolar.

Satu permohonan telah dibuat oleh pendakwa Raya untuk menukar syarat-syarat ikat jamin yang telah ditentang oleh pihak Peguam Bela defendan. Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Amat Arif Gareth Lugar-Mawson bagaimanapun telah membenarkan permohonan Pendakwa Raya dan mengubah syarat ikat jamin seperti berikut :

Kedua-dua tertuduh hendaklah melaporkan diri ke Pegawai Penyiasat di Biro Mencegah Rasuah pada hari pertama setiap bulan; dan untuk kedua-dua tertuduh untuk tidak menghubungi mana-mana saksi Pendakwa Raya.

Kes ini telah ditetapkan untuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi bermula pada Isnin, 4 Mac 2019 di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Amat Arif Gareth Lugar-Mawson.

Untuk perbicaraan, Pendakwa Raya akan diwakili oleh Jonathan Caplan, QC dan Timbalan-timbalan Pendakwa Raya dari Pejabat Peguam Negara; dan defendan akan diwakili oleh Peguam Bela-Peguam Bela, Simon Henry Farrell, QC dan Sheikh Noordin.

Orang awam dimaklumkan bahawa perbicaraan akan diadakan di mahkamah terbuka, dan rakaman foto dan video adalah tidak dibenarkan di dalam mahkamah. Orang awam juga diingatkan untuk mematuhi etika mahkamah semasa menghadiri perbicaraan.

SR DMS Dian Sukang lahirkan generasi intelektual berjaya

Kenali
Negara
Kitani



Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid
Foto : Jabatan Penerangan

MUKIM Sukang yang terletak di Daerah Belait dengan keluasan 821.245 kilometer persegi ditadbir oleh Awang Haji Mohd Noh bin Datu Maharaja Setia Dian selaku Pemangku Penghulu Mukim sejak 1 Mac 2010.

Mempunyai seramai 587 orang penduduk terdiri daripada puak Melayu, Bisaya, Iban dan lain-lain, walaupun mempunyai kepelbagaian anutan agama dan kepercayaan namun penduduk di Mukim Sukang hidup dalam keadaan aman damai dan harmoni.

di negara ini sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar.

Tangki Air Bukit Bang Taong adalah sebagai sumber utama yang membekalkan air bersih ke mukim berkenaan dan terdapat sebuah Klinik Kesihatan untuk kegunaan penduduk-penduduk kampung menjalani pemeriksaan kesihatan.

Dewan Serbaguna di Kampung Sukang yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan elektrik yang dijana melalui generator dan bilik-bilik penginapan sentiasa mengalu-alukan mereka yang

termasuklah Pemangku Penghulu Mukim Sukang sendiri iaitu Awang Mohd Noh bin DMS Dian pada tahun 1974 hingga tahun 1999.

Dalam masa lebih setengah abad, SR DMS Dian banyak menempa kejayaan dalam bidang akademik dan melahirkan intelektual yang berjaya antaranya ialah : (Lihat Rajah II)

Sementara itu, pencapaian akademik dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pula, sekolah tersebut melakarkan sejarah

cemerlang empat tahun berturut-turut lulus 100 peratus. Manakala pada tahun 2015, 2016 dan 2017, sekolah berkenaan mendapat Anugerah Insentif kerana mencapai atau melepasi sasaran Gred 'A' - 'C'.

Di samping pencapaian cemerlang dalam bidang akademik, SR DMS Dian juga memenangi Anugerah Perak dalam Anugerah Kebersihan dan Keceriaan Sekolah seluruh negara.

Menurut Dayang Rosnah binti Datu Maharaja Setia Haji Muhd Simpuk yang merupakan Pegawai Pendidikan dan selaku Guru Besar SR DMS Dian, antara usaha untuk meningkatkan pencapaian PSR ialah dengan mengadakan program-program pembelajaran di sekolah dan mengadakan kelas tambahan pada sebelah petang. Sementara pada waktu malam pula, murid-murid yang tinggal di asrama sekolah akan mengikuti kelas malam di asrama mengikut jadual yang ditetapkan dengan diawasi oleh guru-guru. Asrama sekolah tersebut ditubuhkan pada 23 Mei 2017 yang menempatkan lima murid lelaki dan lima murid perempuan.

Dalam bahagian ko-kurikulum pada tahun 2018, dua murid sekolah tersebut masing-masing memperoleh pingat perak dan pingat gangsa

dalam Sukan Olahraga Sekolah-Sekolah Rendah Peringkat Daerah Belait.

Bukan sahaja murid-murid yang mengharumkan sekolah berkenaan, malahan guru-guru juga bergiat aktif dalam menyertai perlawanan futsal anjuran Jabatan Ko-Kurikulum bagi guru-guru Daerah Belait dan mendapat tempat ketiga pada tahun 2017 dan tempat keempat pada tahun lepas.

guru yang menyertai perlawanan tersebut dinobatkan sebagai Pemain Terbaik.

Penutup

Jarak kejauhan bukan penghalang untuk seseorang menjadi cemerlang.

Malahan kesukaran adalah pembakar semangat untuk berjaya dan berjiwa kental untuk keluar sebagai insan yang menjadi kebanggaan keluarga bahkan juga dapat menabur bakti kepada bangsa dan negara dalam sama-sama melahirkan generasi berwawasan 2035. Justeru itu, manfaatkanlah segala kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk menjadi rakyat dan penduduk yang bersyukur atas kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa menitikberatkan kebijaksanaan dan kesejahteraan rakyatnya.

BIL	NAMA KAMPUNG	BANGSA			
		MELAYU	BISAYA	IBAN	LAIN-LAIN
1	Kampung Sukang	12	50	63	57
2	Kampung Biadong Ulu	-	-	55	-
3	Kampung Buau	-	-	222	-
4	Kampung Apak-Apak	-	-	130	-
JUMLAH KESELURUHAN		589			

Rajah I

Untuk sampai ke sana hanya memakan masa 1 jam 40 minit lebih-lebih lagi peningkatrafan jalan ke jenis konkrit, setentunya memudahkan dan memberi keselesaan kepada penduduk kampung dan orang ramai walaupun hanya menggunakan kenderaan biasa berbanding semasa pertama kali penulis berkunjung ke Mukim Sukang pada tahun 2011 hanya menggunakan kereta pacuan empat roda sahaja.

Setelah beberapa kali berkunjung ke Mukim Sukang, kedatangan kami kali ini disajikan dengan keindahan pelbagai warna Bunga Orkid Hutan yang tumbuh liar di tepi jalan. Keindahannya mencuit hati untuk memetikinya.

Prasarana Dan Kemudahan

Penyediaan kemudahan asas yang terbaik untuk masyarakat merupakan agenda utama kerajaan yang tidak pernah diabaikan melalui agensi-agensinya yang dipertanggungjawabkan untuk kebijaksanaan rakyat dan penduduk yang bermastautin

berhajat untuk bermalam.

Balai Ibadat Kampung Sukang dilengkapi dengan tandas, tempat berwuduk, generator dan bilik imam manakala saudara-saudara baharu mendapat bimbingan agama Islam dan bantuan dari pihak Pusat Da'wah Islamiah.

Pihak-pihak yang berkenaan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan agensi-agensinya yang berkaitan tidak lengah daripada memantau keselamatan mukim tersebut memandangkan lokasinya terletak jauh di kawasan pedalaman bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Justeru itu, terdapat sebuah Pos Polis di sana.

Lahirkan Ramai Intelektual Berjaya

Sekolah Rendah DMS Dian Sukang ditubuhkan pada tahun 1955 yang mana Guru Besar pertama ialah Awang Jingga bin Guru.

Pada tahun 1957, persekolahan diberhentikan kerana kekurangan murid. SR DMS Dian ditadbir oleh 13 orang Guru Besar

BIL	NAMA	PENCAPAIAN AKADEMIK
1.	Allahyarham Profesor Dr. Haji Azmi bin Abdullah @ Migi Ak Gelawing	<ul style="list-style-type: none"> PhD Linguistik - Universiti Malaya Master Degree (1st Class) in Linguistik - Universiti Malaya Degree in Linguistik Hons (1st Class) in Linguistik - Universiti Brunei Darussalam (UBD)
2.	Awang Janidi bin Jingga	<ul style="list-style-type: none"> BA (Hons) Humanities - Thames Polytechnic, London Post Graduate Certificate of Education - University College of Wales, Aberystwyth, United Kingdom (UK) Master of Science in Mathematics - University of Sussex, UK
3.	Tuah Ak Dilang	<ul style="list-style-type: none"> Master of Linguistic in Malay - UBD
4.	Dayang Rosnah binti DMS Haji Muhd Simpuk	<ul style="list-style-type: none"> B. ED Pendidikan Awal Kanak-Kanak - UBD
5.	Dayang Nurul Azimah Abdullah @ Chera Ak Gelawing	<ul style="list-style-type: none"> Degree of Sastera and Science Social - UBD
6.	Awang Muhammad Herman Dhiya Ul Haq bin Abdullah @ Rudy Herman Ak Dilang	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Sastera Pendidikan - UBD
7.	Jais Ak Inggir	<ul style="list-style-type: none"> Master of Education in Education Management - UBD
8.	Dayang Zunainah binti Omar	<ul style="list-style-type: none"> Master in Mathematics - UBD
9.	Awang Juni bin Jingga	<ul style="list-style-type: none"> B.Ed Education - Universiti Putra Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
10.	Dayang Hajah Noraina binti Abdullah @ Gadong binti Ambun	<ul style="list-style-type: none"> BA Primary Education - UBD
11.	Awang Jamal bin Gantar	<ul style="list-style-type: none"> BA (Hons) Primary Education - UBD
12.	Awang Saidin Hidayat bin Abdullah @ Saidin Ak Lasit	<ul style="list-style-type: none"> B.Sc Education - UBD Master of Science in Mathematics - University of Sussex, UK
13.	Dayang Ima Amirah binti Abdullah @ Gema Ak Dilang	<ul style="list-style-type: none"> B. Ed Primary Education - UBD
14.	Awang Omar Arif bin Abdullah @ Jenang Ak Lasit	<ul style="list-style-type: none"> BA Education - UBD
15.	Claxairi Ak Lasit	<ul style="list-style-type: none"> B.Sc Education - UBD
16.	Awang Shahrizan bin Abdullah @ Brunei bin Unchat	<ul style="list-style-type: none"> Ijazah Sarjana Muda (Syariah) - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Rajah II

Kibarkan bendera, zahirkan kesetiaan bernegara

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Semangat patriotik dan cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara perlu ada dalam jiwa rakyat Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Ke-35 Tahun ini.

Bendera-bendera negara berkibar megah di bangunan-

bangunan kerajaan dan premis-premis perniagaan serta rumah kediaman masing-masing yang jelas membuktikan bahawa rakyat menghormati akan kepentingan hari-hari kebesaran negara.

Awang Murni bin Haji Ahmad dari Kampung Jerudong ketika ditemui berkata, sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam kita

mestilah menghormati bendera dan sentiasa menekankan akan kepentingan menaikkan bendera yang merupakan lambang sesebuah negara di bawah naungan raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Justeru, mengibarkan bendera atau menaikkan bendera sangat besar maknanya dalam jiwa seseorang apatah lagi kita yang dewasa patut mendidik anak-anak

muda sedari kecil untuk mengajar mereka akan pentingnya bendera dalam sesebuah negara serta meningkatkan minat dan semangat patriotik mereka apabila tiba masa kita disuruh untuk menaikkan bendera," ujarnya.

Beliau juga menasihatkan supaya menjaga bendera negara dan mematuhi tatacara menaikkan bendera, jangan sampai terabai kerana itulah salah satu pengorbanan kita terhadap Negara Brunei Darussalam.

Bagi Dayang Siti Syahirah binti Haji Md. Salleh dari Kampung Manggis Dua juga turut bersetuju bahawa bendera merupakan lambang sesebuah negara yang patut kita jaga dan hormati.

"Dengan mengibarkan bendera negara, boleh membangkitkan rasa patriotik kepada masyarakat agar tidak akan pernah luntur dan terus berbangga kerana telah mencapai kemerdekaan sehingga tahun ini iaitu, ke-35 Tahun. Saya bersyukur dengan limpah kurnia yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mempunyai raja yang berjiwa rakyat serta Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyediakan pelbagai kemudahan termasuk pembinaan jambatan menuju Daerah Temburong, dari segi pertanian, pendidikan, perubatan, pertahanan dan sebagainya," ujarnya.

Beliau menambah, semangat

patriotik juga harus ditanamkan dalam jiwa kanak-kanak yang seharusnya bermula dari rumah, iaitu melalui ibu bapa serta guru-guru semasa di sekolah dan aktiviti yang diadakan oleh kelab-kelab dan NGO kerana melalui semua ini akan membangkitkan lagi rasa hormat dan cinta kepada negara.

Justeru jelasnya, ibu bapa juga harus menggalakkan anak-anak untuk mengetahui akan pentingnya bendera sebagai lambang kenegaraan, kepentingan menaikkan bendera serta mengenali apa yang terkandung dalam bendera negara agar mereka akan sentiasa menjaga bendera negara dan tidak menisia-siakkannya.

Menaikkan Bendera atau pengibaran bendera adalah sebagai bukti kasih sayang, komitmen dan sokongan rakyat dan penduduk negara ini dengan semangat nasionalisme dan patriotik ke arah memeriahkan serta menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Walaupun bendera hanya sepotong kain tetapi ia adalah lambang rasmi negara dan mempunyai fungsi dan makna yang sangat besar sebagai mercu tanda ke arah menanamkan perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara, di samping mendukung negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Ibu negara dihiasi indah bagi menyambut HK Ke-35



TAMAN Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dihiasi dengan backdrop yang indah memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Ibu negara, bertukar wajah apabila dihiasi dengan bendera-bendera Negara Brunei Darussalam yang dipasang di sepanjang jalan raya dan bangunan-bangunan mengelilingi Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dalam persediaan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35, Tahun 2019.

Premis-premis bangunan dan persekitarannya termasuk kedai-kedai juga dihias indah dengan pemasangan kain-kain rentang berwarna warni bagi memeriahkan dan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kali ini.

Upacara Menaikkan Bendera besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35, Tahun 2019 yang diadakan di kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) pada 16 Februari lalu menandakan permulaan bagi acara-acara keramaian bagi sambutan tersebut tahun ini.

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, tempat berlangsungnya Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan turut dihiasi dengan gerbang-

gerbang dan backdrop bersaiz besar memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persiapan-persiapan dan sentuhan akhir juga giat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam membaikkan dan mencantikkan lagi ibu negara bagi memperingati sambutan yang penuh bersejarah yang akan diadakan pada 23 Februari ini.

Turut menjadi tarikan orang

ramai sekali lagi tahun ini ialah hashtag Hari Kebangsaan #NBD35, yang dihias dengan lukisan oleh 39 orang pelukis muda yang berbakat, dan diletakkan di perkarangan Kompleks YSHHB.

Sementara pada waktu malam pula, Bandar Seri Begawan serta kawasan-kawasan sekitarnya bermandikan dengan cahaya lampu-lampu cucul berwarna warni, di samping persiapan petak-petak gerai jualan untuk para peniaga kecil dan sederhana tempatan berjaja semasa musim perayaan itu nanti.

Sehubungan itu, selaku rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara, orang ramai juga disaran supaya bersikap lebih



#NBD35 hasil pelukis-pelukis tempatan diletakkan di pekarangan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah mengindahkan lagi suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35 tahun ini (kiri). Sementara gambar kanan, kibaran bendera negara menghiasi kedai-kedai di ibu negara.



AWANG Murni bin Haji Ahmad dari Kampung Jerudong.



DAYANG Siti Syahirah binti Haji Md. Salleh dari Kampung Manggis Dua.

bertanggungjawab bagi sama-sama menjaga kebersihan negara dan hadir memeriahkan acara-acara Sambutan Hari Kebangsaan

Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 dengan penuh rasa semangat dan kecintaan kepada negara.



Sukan

INFO SUKAN

DUA orang pengadil Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) bertaraf FIFA dilantik sebagai Pengadil Bola Sepak Piala AFF U-22 2019 di Phnom Penh, Kemboja yang berlangsung pada 17 hingga 27 Februari 2019. Mereka terdiri dari Pengadil FIFA, Abdul Hakim Mohd. Haidi dan Penolong Pengadil FIFA, Ali Faisal Rosli.



ePaper Pelita Brunei

Program Kembara Pendekar kongsi khazanah ilmu persilatan

Siaran Akhbar dan Foto : Perguruan Seni Pencak Silat Gerak 41

SERIA, Rabu, 20 Februari. - Perguruan Seni Pencak Silat Gerak 41 (G41) merupakan ahli gabungan PERSIB (Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam) sejak 30 Mei 1988.

Dalam tempoh lebih 30 tahun G41 merupakan segelintir persatuan pencak silat di negara ini yang mampu untuk bertahan sehingga ke hari ini.

Dalam rangka untuk mengukuhkan rasa seperguruan dalam kalangan ahli-ahlinya, G41 telah memperkenalkan Program Kembara Pendekar iaitu salah satu inisiatif Perguruan untuk saling berkongsi khazanah ilmu oleh generasi elit perguruan. Kembara Pendekar pertama bagi tahun 2019 ini ialah Gelanggang Seri Gading, Panaga, Seria baru-baru ini.

Turut hadir mewakafkan ilmunya ialah Mahaguru, Haji Ibrahim bin Haji Mohd Yusoff selaku ahli Dewan Pendekar Perguruan.

Ahli-ahli Gelanggang Seri

Gading telah didedahkan dengan empat aliran yang dominan di dalam G41 iaitu Silat Cakak, Silat Melayu (Kuntau), Panca Sunda, dan Silat Betawi.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam program ini ialah Yang Di-Pertua dan Guru Utama Perguruan Seni Pencak Silat Gerak 41 iaitu Mejar (B) Rusli Bujang.

Dalam ucapannya beliau menekankan pentingnya agar ahli-ahli Gelanggang Seri Gading berusaha untuk melengkapkan diri menjadi seniman bela diri yang kompeten iaitu dengan mendalami lapan aspek persilatan yang saling berkait rapat di antara satu sama lain sekali gus membezakan silat dengan sistem bela diri yang lain. Pertama, 'Adab Berguru' iaitu murid mengadap guru, menyatakan ikrar, mendapatkan restu dan izin ilmu serta berpegang kepada Semangat Pendekar Sejati; 'Senaman Panglima', iaitu gerakan tubuh badan Melayu yang mampu menjadikan pengamalannya jadi lebih kuat, sihat, cergas, dan

tangkas; 'Tari Pahlawan' yang selalu disebut sebagai bunga, tari silat, atau Laila Sembah yang berupa gerakan berseni dan penuh majlis, berunsur bela diri dengan iringan muzik tradisional mengikut ketentuan wiraga, wirama, dan wirasa; 'Buah Pukulan' yang mudah, semula jadi dan berkesan.

Silat merupakan sistem bela diri yang komprehensif, dinamik, multi-dimensional, fungsional dan mempunyai pelbagai jarak tempur iaitu tempur tangan kosong (H2H), pertahanan jarak dekat (CQB), kuncian dan tempur bawah (GFT), dan termasuk penggunaan senjata tradisi Melayu; 'Buah Kuncian' iaitu teknik untuk mematahkan serangan atau mematikan gerakan lawan dapat mengawal keadaan, mensasarkan bahagian tubuh yang berbahaya, memanipulasi sendi, jari, pergelangan tangan, siku, lengan, leher, bahu, pinggang, lutut, dan kaki; 'Pukulan Senjata', iaitu penggunaan berbagai jenis, bentuk, dan saiz senjata Melayu tradisi, senjata sembunyi (seperti



PERSEMBAHAN oleh ahli-ahli Gelanggang Seri Gading.

kerambit), senjata lembut dan fleksibel (seperti selendang), senjata pendek dan panjang (seperti pisau), senjata lontaran (kapak kecil); 'Petua Perkasa' yang merupakan rahsia, kaedah, amalan, dan perbuatan yang menjadi pakaian guru bersumber daripada pengalaman diterjemah menjadi habit pendekar; dan 'Khazanah Pendekar' iaitu ilmu hikmah berupa ilmu simpanan atau taruh-taruhan yang diwarisi turun temurun sebagai khazanah keilmuan yang dijaga rapi dan terus dipelihara.

Ahli-ahli Gelanggang Seri Gading juga turut mempersembahkan Silat Cakak Asli warisan permainan Allahyarham Mejar (B) Pg. Haji Jaludin bin Pg. Mustapha yang juga dikenali sebagai 'Pengiran Gading' yang diambil sempena untuk menamakan Gelanggang Seri Gading di Panaga, Seria ini.

Melalui program Kembara Pendekar ini dapat dilihat potensi silat sebagai alat bukan hanya untuk membela diri malah eratkan hubungan silaturahim, membantu memperkasa mental dan emosi individu, menjadikan diri sebagai alat untuk mengawal dan mententeramkan keadaan,

menimbulkan keyakinan dan semangat untuk menghadapi sebarang bentuk halangan bukan hanya di gelanggang malah juga dalam kehidupan sehari-hari.

Dengan berpandukan konsep Melayu Islam Beraja, G41 dengan seberapa daya bertekad menjadikan Silat Brunei sebagai wadah pengembangan insan dan penyaluran ilmu dengan mengutamakan calak dan identiti kebruneian. Perguruan juga berusaha menentang kekayaan dan keunikan Silat Brunei serta mendedahkan kepada masyarakat akan keberkesannya sebagai satu sistem bela diri.

Pada 17 Februari 2019 terdapat lapan buah gelanggang yang aktif menjalankan latihan iaitu Gelanggang Tawakkal di Kampung Mata-Mata; Gelanggang Seri Kemanca di Kampung Kiulap; Gelanggang Indera Perkasa di Kampung Jerudong; Gelanggang Cahaya Kilat di Kampung Lambak; Gelanggang Kelab Silat Varsiti di Universiti Brunei Darussalam; Gelanggang Silat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Gelanggang Silat Sekolah Menengah Saiyyidina Umar Al-Khattab dan Gelanggang Seri Gading di Panaga, Seria.

Penyertaan Larian Hari Kebangsaan Ke-35, 24 Mac masih dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Larian Hari Kebangsaan Ke-35 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 yang akan diadakan pada 17 Mac 2019 kini diubah tarikhnya ke 24 Mac 2019.

Acara larian akan diadakan serentak di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM); dan Kompleks Sukan Temburong bagi Daerah Temburong.

Bagi DBM, sebanyak enam kategori pertandingan disediakan, iaitu Kategori Terbuka Lelaki; Kategori Terbuka Wanita; Kategori Veteran Lelaki; Kategori Veteran Wanita; Kategori Remaja Lelaki 16 Tahun Ke Bawah (lahir tahun 2003 ke atas); dan Kategori Remaja Perempuan 16 Tahun Ke Bawah (lahir tahun 2003 ke atas).

Semua kategori dengan jarak 10 kilometer, manakala Kategori Fun Run Terbuka pula sejauh 4 kilometer.

Bagi Daerah Temburong pula, hanya Kategori Fun Run Terbuka sejauh 4 kilometer disediakan.

Acara larian itu dibukakan penyertaannya kepada semua Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam juga warganegara asing, pemegang kad pintar berwarna ungu dan hijau yang bekerja dan bermastautin di negara ini.

Yuran penyertaan adalah BND15.00 setiap seorang dan setiap peserta hanya dibenarkan menyertai satu kategori sahaja.

Bagi orang ramai yang masih belum mendaftar, pendaftaran larian masih dibukakan sehingga 28 Februari 2019, bermula 9.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.30 Petang.

Borang penyertaan boleh didapati di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas; dan Jabatan Belia dan

Sukan (JBS) cawangan daerah-daerah.

Borang yang lengkap diisi berserta yuran pendaftaran hendaklah dikembalikan tidak lewat 28 Februari 2019, sebelum jam 3.30 petang di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan cawangan JBS di daerah-daerah, iaitu pada hari dan waktu bekerja sahaja.

Sementara pengambilan baju-T dan nombor bib bagi larian tersebut akan diadakan pada 13 dan 14 Mac 2019, jam 9.00 Pagi hingga 3.30 Petang, bertempat di SNHB, Berakas; Kompleks Sukan Mumong; Kompleks Sukan Tutong; dan Kompleks Sukan Temburong.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Urus Setia Larian Hari Kebangsaan Ke-35, Bahagian Sukan, Jabatan Belia dan Sukan melalui talian +673 2382911 / +673 2381914 sambungan 1616 / 1632; +673 3340958 bagi JBS Cawangan Daerah Belait; +673 4260118 bagi JBS Cawangan Daerah Tutong; dan +673 5221718 bagi JBS Cawangan Daerah Temburong.

Tahukah Awda

gov.bn adalah portal rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Gerbang kepada kesemua maklumat dan perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, gov.bn mempunyai pelbagai ciri yang direka khas untuk membantu rakyat, perniagaan atau pelawat mencari maklumat yang berkaitan, dan juga untuk melibatkan diri dengan kerajaan di mana sahaja dan pada bila-bila masa.

SUMBER: Laman sesawang gov.bn - www.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA'

دتر بیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam